

**KESAN PEMELIHARAAN BANGUNAN RUMAH
KEDAI DI JALAN SULTAN, KUALA LUMPUR
DALAM MENYUMBANG KEPADA EKONOMI
MASYARAKAT SETEMPAT**

SITI HAJAR BINTI MOHAMAT TAHIR

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2021/2022



KESAN PEMELIHARAAN BANGUNAN RUMAH KEDAI DI JALAN SULTAN, KUALA LUMPUR DALAM MENYUMBANG KEPADA EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT

DISEDIAKAN OLEH:

SITI HAJAR BINTI MOHAMAT TAHIR

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam
Memenuhi Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021/2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1872)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandangan Utama

Hajar

Tandangan Penerima

SITI HAJAR BINTI MOHAMAT TAHIR

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI
SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsian dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Di Jalan Sultan, Kuala Lumpur Dalam Menyumbang Kepada Ekonomi Masyarakat” telah disediakan oleh **(Siti Hajar Binti Mohamat Tahir)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Wwarisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian **(Konservasi Warisan)**.



UNIVERSITI

Diterima untuk diperiksa oleh:

MALAYSIA

KELANTAN

Tarikh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dipanjangkan kesyukuran kerana dengan limpah dan kurnia-Nya Projek Penyelidikan ini dapat disiapkan dan disempurnakan pada masa yang ditetapkan meskipun terdapat kekangan masa yang perlu dihadapi dalam menjalankan kajian projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan setinggi-setinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari di atas nasihat, tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyiapkan kajian projek penyelidikan ini. Beliau juga merupakan pensyarah yang sering mengambil tahu dan mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya serta selalu memberikan pendapat serta pandangan terhadap kajian yang perlu dilakukan. Bukan itu sahaja, beliau juga selalu rajin menyemak dan membetulkan projek penyelidikan di bawah seliaannya serta memberikan pandangan yang bernas terhadap projek penyelidikan yang harus dilaksanakan tersebut.

Di samping itu, saya juga ingin menyampaikan jutaan terima kasih kepada kedua-kedua ibu dan bapa yang saya sangat kasih dan sayangi di atas dorongan dan pembakar semangat dalam menyiapkan tugas projek penyelidikan ini. Ibu dan bapa saya juga telah memberikan semangat serta membantu dalam memberikan bantuan dalam bentuk wang ringgit dalam menyiapkan kerja projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada adik-beradik saya yang juga telah memberikan pertolongan dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberikan dorongan dan bantuan di saat saya memerlukan pertolongan daripada mereka dalam perlaksanaan kajian projek penyelidikan ini. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak-pihak yang lain yang terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini.

**Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Di Jalan Sultan, Kuala Lumpur
Yang Menyumbang Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat**

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Di Jalan Sultan, Kuala Lumpur Yang Menyumbang Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat”. Jalan Sultan yang terletak di tengah bandar raya Kuala Lumpur ini telah diberikan nama oleh Sultan Abdul Samad pada tahun 1804-1898. Jalan ini muncul pada peta pada tahun 1899, dan diberi nama seperti di bukit di belakang jalan ini yang ditetapkan sebagai tempat untuk istana Sultan Kuala Lumpur. Bangunan rumah kedai yang terdapat pada kawasan bandar Kuala Lumpur ini haruslah dipelihara dan dikekalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan rumah kedai tersebut telah diancam kemusnahan di atas faktor pembangunan atau pembinaan MRT, jalan raya dan sebagainya yang dilakukan berdekatan dengan kawasan bangunan rumah kedai tersebut. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti sejarah dan perkembangan bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Selain itu, pengkaji juga ingin mengetahui kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur dan mengenalpasti cadangan yang perlu dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data sekaligus dapat menyempurnakan kajian projek penyelidikan ini dari fasa awal sehingga akhir. Terdapat 11 orang responden yang terdiri daripada orang awam, Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Penolong Konservator bahagian Konservasi Warisan Jabatan Warisan Negara yang telah ditemubual oleh pengkaji dalam mendapatkan data dan maklumat bagi menghasilkan kajian Projek Penyelidikan ini. Hasil kajian mendapati bahawa pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dapat menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Kata Kunci: *bangunan, ekonomi, kesan, pemeliharaan, rumah kedai, warisan*

The Effect Of The Preservation Of The Shophouse Building In Jalan Sultan, Kuala Lumpur Which Contributes To The Economy Of The Local Community

ABSTRACT

This research project is a study on "The Effect of Preservation of The Shop HouseBuildings in Jalan Sultan, Kuala Lumpur Which Contributes to the Economy of the Local Community". Jalan Sultan which is located in the center of Kuala Lumpur was named by Sultan Abdul Samad in 1804-1898. This road appeared on the map in 1899, and was named as on the hill behind this road which was designated as the place for the palace of the Sultan of Kuala Lumpur. The shophouse buildings in the Kuala Lumpur city area must be preserved and maintained. This is said so because, the shophouse building has been threatened with destruction due to development factors or construction of MRT, roads and so on that are done near the shophouse building area. The objective of this study is to identify the history and development of shophouse buildings in Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Apart from that, the researcher also wants to know the effect for preserving the shophouse building in Jalan Sultan, Kuala Lumpur and identify the recommendations that need to be done by those responsible in preserving the shophouse building in Jalan Sultan, Kuala Lumpur. The method of observation, interview and document analysis is the method used by researchers to obtain data and at the same time be able to complete the study of this research project from the initial phase to the end. There are 11 respondents consisting of the puclic, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Assistant Conservation Division of the National Heritage Department who were interviewed by the researcher in obtaining data and information to doing this Research Project study. The results of the study found that the preservation of shophuse buildings in Jalan Sultan, Kuala Lumpur can contribute to the economy of the local community in Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Keywords: *building, conservation, economy, effect, heritage, , shop house*

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	ix

BAB 1 PENDAHULUAN 1

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.6.1 Individu	11
1.6.2 Masyarakat	12
1.6.3 Institusi	13
1.6.4 Pelancongan	15
1.7 Skop Kajian	16
1.8 Batasan Kajian	17
1.9 Definisi Terminologi	20

1.9.1	Pemeliharaan	20
1.9.2	Bangunan Rumah Kedai	21
1.9.3	Fasad	21
1.10	Penutup	23
BAB 2 SOROTAN KAJIAN		25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia	28
2.3	Sejarah Rumah Kedai Tradisional	28
2.4	Definisi dan Konsep Rumah Kedai	29
2.5	Perubahan Gaya Bangunan Tradisional Rumah Kedai	31
2.5.1	Bangunan Rumah Kedai Gaya Awal (1790-1950)	31
2.5.2	Bangunan Rumah Kedai Gaya Eklektik Cina Selatan (1840-1910-an)	33
2.5.3	Bangunan Rumah Kedai Gaya Eklektik Awal (1890-1920 an)	34
2.5.4	Bangunan Rumah Kedai Gaya Eklektik Selat Akhir (1910-1930)	35
2.5.5	Bangunan Rumah Kedai Gaya Seni Deco (1930-1960)	37
2.5.6	Bangunan Rumah Kedai Moden Awal (1950-1970)	38
2.6	Rekabentuk dan Susunatur Bangunan Rumah Kedai di Malaysia	40
2.7	Kepentingan Pemeliharaan	

Bangunan Lama di Malaysia	42
2.7.1 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama Kepada Masyarakat	42
2.7.2 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama Kepada Sektor Pelancongan	43
2.7.3 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama Kepada Nilai Pendidikan	44
2.7.4 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama Kepada Pembentukan Minda	44
2.8 Pemeliharaan Bangunan Lama Menyumbang Kepada Sektor Ekonomi dan Pelancongan di Malaysia	46
2.9 Penutup	47
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	49
3.1 Pengenalan	49
3.2 Reka Bentuk Kajian	50
3.2.1 Data Sekunder	54
3.2.2 Kajian Lapangan	54
3.2.3 Temu bual	55
3.2.4 Catatan	56
3.2.5 Rakaman Foto	57
3.2.6 Penelitian Dokumen dan Laporan Penulisan	57
3.3 Instrumen Kajian	59
3.4 Prosedur Pungutan Data	60
3.5 Jangkaan Dapatan Kajian	61

3.6	Penutup	63
-----	---------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN		64
4.1	Pengenalan	64
4.2	Analisis Demografi Responden	65
4.3	Sejarah Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	67
4.3.1	Sejarah Bandar Raya Kuala Lumpur	71
4.3.2	Perkembangan Bangunan Rumah Kedai Di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	73
4.4	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	78
4.4.1	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Menyumbang kepada Masyarakat Setempat	78
4.4.2	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Menyumbang Kepada Sektor Pelancongan Di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	82
4.4.3	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Mampu Dijadikan Sebagai Bahan Sejarah	86
4.5	Cadangan Yang Perlu Dilakukan Oleh Pihak Bertanggungjawab dalam Memelihara Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	89
4.5.1	Penglibaran atau Kerjasama antara masyarakat	90

4.5.2 Kerjasama antara Kerajaan dan NGO	91
4.5.3 Pelan Perancangan	93
4.5.4 Peranan Media Massa	96
4.6 Penutup	97
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	98
5.1 Pengenalan	98
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	99
5.2.1 Sejarah dan Perkembangan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	99
5.2.2 Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	101
5.2.3 Cadangan yang perlu dilakukan oleh Pihak Bertanggungjawab dalam Memelihara Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	102
5.3 Rumusan	104
5.4 Cadangan	105
5.5 Penutup	108
RUJUKAN	110
LAMPIRAN	113

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
4.2	Analisis Demografi Responden	66

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.2	Latar Belakang Kajian	6
2.4	Definisi dan Konsep Rumah Kedai	30
2.5	Perubahan Gaya Bangunan Tradisional Rumah Kedai di Malaysia	32
2.5	Perubahan Gaya Bangunan Tradisional Rumah Kedai di Malaysia	33
2.5	Perubahan Gaya Bangunan Tradisional Rumah Kedai di Malaysia	35
2.5	Perubahan Gaya Bangunan Tradisional Rumah Kedai di Malaysia	36
2.5	Perubahan Gaya Bangunan Tradisional Rumah Kedai di Malaysia	38
2.5	Perubahan Gaya Bangunan Tradisional Rumah Kedai di Malaysia	39
2.6	Rekabentuk dan Susunatur Bangunan Rumah kedai di Malaysia	40
2.6	Rekabentuk dan Susunatur Bangunan Rumah kedai di Malaysia	41

3.2	Reka Bentuk Kajian	52
4.3	Sejarah Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	53
4.3	Sejarah Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	71
4.4	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	73
4.4	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	74
4.4	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	76
4.4	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	77
4.4	Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	81
4.5	Cadangan Yang Perlu Dilakukan Oleh Pihak Bertanggungjawab Dalam Memelihara Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	84
4.5	Cadangan Yang Perlu Dilakukan Oleh Pihak Bertanggungjawab Dalam Memelihara Rumah Kedai Di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	94
4.5	Cadangan Yang Perlu Dilakukan Oleh Pihak Bertanggungjawab Dalam Memelihara Rumah Kedai Di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	95

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan


Negara Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai berbagai-bagi jenis warisan budaya, antaranya ialah warisan budaya nyata atau ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan budaya bawah air dan juga harta karun. Negara Malaysia juga mempunyai banyak bangunan warisan serta kaya dengan budaya dan konteks. Namun begitu, sebahagian daripada bangunan warisan yang ada di negara Malaysia ini tidak dijaga dan dipulihara dengan sewajarnya dan sebilangan daripadanya terlihat berada dalam kondisi yang rosak dan usang disebabkan oleh faktor kerosakan bangunan tersebut. (A Ghafar Ahmad, 2010). Terdapat banyak tapak warisan dengan projek pemuliharaan yang aktif seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka. Negara Malaysia juga telah menubuhkan satu akta iaitu Akta Warisan Nasional 2005 untuk memulihara dan memelihara warisan budaya ketara, antaranya ialah monumen, bangunan warisan, masjid, rumah kedai dan sebagainya. Di bandar Kuala Lumpur, terdapat beberapa deretan rumah

kedai yang telah dibina selama beberapa dekad dan telah menyaksikan kemerdekaan Malaysia dan pembangunan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Persekutuan.

Pada abad masa kini bangunan rumah kedai tradisional ini acap kali diancam oleh kepesatan pembentukan bandar (urban renewal). Antara kepesatan pembentukan bandar tersebut adalah seperti pengubahsuaian imej bangunan, penukaran atau pengubahsuaian fasad bangunan rumah kedai, mengubah seni bina lama bangunan kepada seni baru dan lain-lain lagi. Bukan itu sahaja, terdapat juga beberapa deretan rumah kedai di jalan Sultan telah dirobohkan oleh pemilik kedai disebabkan oleh pembinaan bangunan yang baru atau bangunan moden bagi mendapatkan keuntungan untuk memenuhi nilai-nilai komersial. Oleh hal demikian, jika keadaan begini terus dibiarkan dan tidak diambil peduli oleh orang yang bertanggungjawab ia akan mengakibatkan asal usul sejarah, budaya dan adat serta aset warisan senibina dalam negara Malaysia semakin pupus dan lenyap begitu sahaja. (Suhana Shamsuddin, 2002).

Bangunan rumah kedai yang ada di negara Malaysia ini perlu dikekalkan bukan hanya disebabkan oleh bangunan tersebut mempunyai kepentingan sejarahnya yang tersendiri serta mempunyai ciri reka bentuk yang menarik. Bangunan adalah sebahagian daripada warisan negara kita apatah lagi jika bangunan tersebut mempunyai sejarahnya yang tersendiri (Liawati Ab Wahab, 2008). Hal ini dikatakan demikian kerana, rekabentuk seni bina sesebuah bangunan selalunya akan menggambarkan kepada perkembangan sejarah yang berlaku semasa masa lampau. Sebagai contoh,

sejarah negara yang pernah dijajah oleh kuasa luar seperti British selama 160 tahun yang lalu boleh dilihat daripada seni bina kolonial di bangunan-bangunan yang ada di negara Malaysia (Lilawati Ab Wahab, 2007). Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memulihara bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur yang semakin lama semakin berkurang disebabkan oleh pembinaan bangunan mencakar langit yang giat di sekitar Kuala Lumpur.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian penyelidikan ini adalah berkisarkan tentang kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur yang menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat. Bangunan rumah kedai ini terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur yang berdekatan dengan bandar raya Kuala Lumpur. Bangunan rumah kedai tersebut juga berdekatan dengan jalan Petaling Street atau ChinaTown yang tidak kurang daripada 1 kilometer daripada lokasi kajian. Terdapat beberapa deretan bangunan rumah kedai di jalan Sultan yang tidak dipulihara serta dijaga dengan seeloknya oleh pemilik kedai dan juga pihak bertanggungjawab. Bukan itu sahaja, terdapat juga deretan bangunan rumah kedai terawal yang didirikan telah terancam dan dibiarkan usang serta rosak begitu sahaja. Kebanyakkan, bangunan usang atau lusuh ini terdiri daripada bangunan rumah kedai yang dimiliki oleh orang awam yang menyewa pada bangunan rumah kedai tersebut. Pemilik atau penyewa rumah kedai tidak berminat dan tidak mengambil peduli untuk menjaga serta melindungi bangunan rumah kedai yang disewa kerana beranggapan bahawa bangunan tersebut tidak mempunyai kepentingan dan manfaat untuk dipelihara. (Nafida, 2007).

(Isa & Kaur, 2015) dalam buku yang berjudul *Kuala Lumpur Street Names*, Jalan Sultan yang terletak di tengah bandar raya Kuala Lumpur ini telah diberikan nama oleh Sultan Abdul Samad pada tahun 1804-1898. Jalan ini muncul pada peta pada tahun 1899, dan diberi nama seperti di bukit di belakang jalan ini yang ditetapkan sebagai tempat untuk istana Sultan Kuala Lumpur. Kerajaan Negeri Britain, pada tahun 1880-an, menganggap Sultan

perlu memindahkan istananya ke Kuala Lumpur atau Klang supaya Raja dan Residen Inggeris yang menetap di Klang pada waktu itu dapat tinggal dengan berdekatan dengan istana tersebut.

Jalan Sultan dibentuk sebagai salah satu penempatan terawal selain daripada Jalan Petaling di Kuala Lumpur. Pada masa lalu, terdapat pekerja perlombongan biji timah yang terdiri daripada masyarakat Cina yang berada di Jalan Sultan Masyarakat cina juga telah membawa adat dan budaya mereka memasuki ke negara Malaysia (Zoe Low, Neville, Clare, Dayang, Sharifah & Sheik Irfaan, 2018). Jalan sultan pertama kali disebut di dalam peta pada tahun 1899 dan diberi namanya oleh Sultan Abdul Samad. Hal ini dapat dilihat, terdapat satu rumah kedai yang telah lama dibina semenjak tahun 1893 yang kini sudah menjadi salah satu kafe moden terkenal yang terletak berhampiran dengan jalan Sultan iaitu Restoran Bunn Choon.

Seni bina dan reka bentuk pada fasad bangunan rumah kedai di Jalan Sultan kebanyakannya diambil daripada budaya masyarakat cina. Keunikan seni bina yang terdapat pada bangunan rumah kedai di Jalan Sultan sangat menarik serta ianya telah menggambarkan gaya hidup orang cina yang merupakan pemilik rumah kedai di sekitar jalan tersebut. Walaupun undang-undang kecil bangunan sudah ada, British tidak mengatur gaya reka bentuk, sehingga pembangun China membina ruang dan fasad terutama berdasarkan cara orang orang Cina (Al-Obaidi et al., 2017).



Rajah 1.1: Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Sumber: Kajian Lapangan

(4 Oktober 2021)



Rajah 1.2: Deretan Bangunan Rumah Kedai Jalan Sultan,

Kuala Lumpur

Sumber: Kajian Lapangan

(25 ovember 2021)

1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah ialah aspek yang akan menghuraikan tentang persoalan atau hal yang timbul semasa pengkaji menjalankan kajian projek penyelidikan ini. Pernyataan masalah ini sangat bernilai dalam sesuatu penyelidikan yang ingin dijalankan. Di dalam bahagian ini menjadi kesediaan kepada pengkaji untuk menghuraikan sesuatu isu atau persoalan yang perlu dikaji dalam melakukan kajian projek penyelidikan. Pernyataan masalah selalunya didapati menyelusuri dalam aspek pembacaan atau sorotan kajian lepas, pemerhatian di kawasan kajian, sumber internet, temu bual dan semasa penyelidik menjalankan kajian. Selain itu, ia juga boleh diperoleh melalui penelahaan atau pengkajian dokumen serta soal selidik yang berkaitan dengan objektif kajian pengkaji (Adibah Ummi, 2018).

Masalah pertama yang menjadi isu adalah kurangnya pengetahuan sejarah tentang bangunan bersejarah atau bangunan warisan rumah kedai dalam kalangan masyarakat di negara Malaysia juga adalah salah satu masalah atau isu dalam kajian penyelidikan ini. Hal ini telah dinyatakan oleh (Faudzi, 2018) dalam artikel yang bertajuk *Shophouse' Facade With Architectural Interventions In Kota Bharu, Kelantan*, yang menyatakan bahawa kurangnya kesedaran tentang pemeliharaan di kalangan pengguna rumah kedai juga telah menyebabkan generasi baru tidak menghargai sejarah serta masa lalu yang perlu dipelihara dan diingati oleh semua pihak. Masyarakat pada hari ini terutamanya generasi muda kurang mengetahui akan sejarah tentang bangunan bersejarah yang ada di Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, pentingnya seseorang itu mengetahui akan sejarah tentang

bangunan sejarah terutamanya dalam golongan muda agar mereka dapat mengetahui fakta yang betul tentang sesuatu sejarah yang berlaku di negara Malaysia.

Kurangnya kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap bangunan rumah kedai lama. Karya (2007) telah menyatakan bahawa pemilik dan penyewa kedai juga perlu memainkan peranan yang penting dalam memulihara, tetapi mereka tidak menjaga dan menyelenggara bangunan yang mereka diduduki dengan beranggapan bangunan tersebut tidak mempunyai kepentingan untuk dipulihara dan dibaik pulih. Pemuliharaan bangunan warisan merupakan suatu fenomena baru dalam scenario seni bina di Malaysia (A Ghafar Ahmad, 2010).

Selain tu, masalah yang ketiga adalah bangunan bersejarah tidak dipulihara dan dipelihara dengan sewajarnya. Hal ini juga telah dinyatakan oleh (Ahmad & Rahman, 2010) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa bangunan warisan di Malaysia tidak dijaga dan dipulihara dengan sewajarnya dan sebilangan daripadanya berada dalam keadaan yang rosak atau usang disebabkan oleh faktor - faktor yang tertentu. Semakin hari semakin banyak bangunan yang mencakar langit dibina di sekitar bandar raya Kuala Lumpur. Oleh itu, terdapat beberapa deretan bangunan rumah kedai yang lama yang terletak di Kuala Lumpur ini terpaksa dirobohkan atas desakan kerajaan untuk membina bangunan baru di kawasan tersebut. Hal ini juga telah membuatkan kerisauan terhadap pemilik serta penyewa kedai yang berniaga di Jalan Sultan tersebut bagi meneruskan perniagaan mereka. Jika kerja-kerja perobohan bangunan rumah kedai ini tidak dikawal. Negara kita

akan kekurangan bangunan rumah warisan kedai lama serta dalam masa yang sama pemilik dan juga penyewa rumah kedai juga akan terjejas untuk mendapatkan pendapatan.

Antara bangunan warisan yang telah dapat dipulihara di negara Malaysia adalah Pejabat Pos Lama Kuala Lumpur, Masjid Melayu Lebuh Acheh dan sebagainya. Walaupun kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan ini kiat dijalankan pada rumah tradisional, masjid lama, serta bangunan kolonial british. Namun, terdapat segelintir masyarakat yang masih tidak peduli akan pemuliharaan bangunan warisan yang ada di Malaysia ini. Hal ini dapat dilihat pada bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Terdapat beberapa deretan bangunan rumah kedai yang telah mengalami perubahan dan deteriorasi (deterioration) atau kemerosotan pada fasad bangunan rumah kedai tersebut. Oleh itu, bangunan rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini perlulah dipulihara dan dijaga agar bangunan tersebut tidak mengalami masalah kerosakan dan kemerosotan dengan begitu lama.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan tujuan atau sasaran khusus sebenar pengkaji dalam melakukan sesuatu kajian penyelidikan. Antara objektif kajian dalam kajian projek penyelidikan ini adalah:

- i. Mengetahui sejarah dan perkembangan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur
- ii. Mengetahui kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.
- iii. Mengenalpasti cadangan yang perlu dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu dikenalpasti oleh pengkaji.

Antara persoalan kajian pengkaji adalah:

- i. Bagaimanakah sejarah dan perkembangan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur?
- ii. Apakah kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur?
- iii. Apakah cadangan yang dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur?

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian adalah bahagian untuk memberitahu kepada khalayak tentang daptan terbaru yang diperolehi daripada penyelidikan. Bukan itu sahaja, kepentingan kajian ini juga merupakan bahagian yang paling penting kerana perlu menyakinkan kepada khalayak tentang pentingnya daptan baharu yang dilakukan oleh pengkaji. Kajian berkaitan dengan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan ini sememangnya akan dapat memberi kepentingan serta kebaikan kepada pengkaji atau penyelidik, pemilik dan penyewa rumah kedai, masyarakat, institusi dan juga kepada sektor pelancongan. Antara kepentingan yang ingin diraih oleh pengkaji dalam penyelidikan ini adalah:

1.6.1 Individu

Berdasarkan kajian yang dilakukan, kajian ini dapat merungkaikan sejarah dan perkembangan latar belakang bangunan rumah kedai di Jalan Sultan yang tidak diketahui oleh segelintir masyarakat pada hari ini. Menurut (A Ghafar Ahmad, 2010) yang menyatakan bahawa konsep pemuliharaan warisan pada asasnya adalah proses mengembalikan semula kepentingan sejarah serta melindungi bangunan serta monumen warisan seperti dalam keadaan yang asli atau asal. Dalam hal ini, maklumat berkaitan dengan bangunan rumah kedai dapat diperoleh daripada orang sumber yang betul dan sahif tanpa ada sebarang tokok tambah. Oleh hal yang demikian, dengan melakukan kajian penyelidikan tentang bangunan

rumah kedai ini dapat memberikan pengetahuan baru kepada masyarakat di negara Malaysia terutamanya generasi muda dapat mengetahui tentang sejarah dan perkembangan terhadap bangunan warisan rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini juga sedikit sebanyak mampu menyumbang serta membantu dalam memberi manfaat kepada pemilik dan penyewa rumah kedai di jalan Sultan dengan melakukan pemeliharaan terhadap bangunan rumah kedai yang telah menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat.

1.6.2 Masyarakat

Kajian penyelidikan ini juga dapat memberi kepentingan terhadap masyarakat dalam mewujudkan kesedaran terhadap pemeliharaan bangunan warisan lama khususnya bangunan rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan rumah kedai ini telah wujud sewaktu tentera British datang ke Malaysia. Hal ini dapat dilihat terdapat satu bangunan rumah kedai di Jalan Sultan yang telah lama dibina seawal tahun 1899. Bukan itu sahaja, seni bina yang terdapat pada bangunan rumah kedai ini kebanyakannya diambil daripada budaya masyarakat cina. Bangunan rumah kedai di Jalan Sultan ini disebut sebagai salah satu tempat peninggalan bersejarah yang unik di bandar Kuala Lumpur kerana ia menganggap perwakilan “tradisi dan keaslian” jalan sebagai elemen bandar moden yang berkenaan Yeoh (2014). Oleh itu, pemeliharaan terhadap bangunan rumah kedai ini perlulah dilakukan kerana ia

mempunyai kepentingan nilai warisan yang perlu diketengahkan dan seterusnya pemeliharaan warisan bangunan rumah kedai ini sekali gus dapat membuka mata masyarakat untuk lebih menghargai warisan negara yang ada di negara Malaysia.

1.6.3 Institusi

Kajian penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji juga penting kepada institusi. Projek penyelidikan ini merupakan Laporan Projek Akhir yang dilaksanakan oleh pengkaji sebagai syarat dalam memenuhi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian. Pengkaji berharap dengan menghasilkan projek penyelidikan ini, pelajar mampu mengetahui tentang bangunan rumah kedai di Jalan Sultan yang mempunyai nilai sejarah yang penting serta keunikan seni bina pada fasad bangunan itu sendiri. Ilmu pengetahuan mengenai warisan merupakan satu perkara yang penting bagi pelajar Pengajian Warisan kerana mereka adalah generasi baru yang bertanggungjawab bagi memulihara dan memelihara warisan yang ada di negara ini daripada musnah dan dibiarkan usang begitu sahaja. Pengkaji juga berharap projek penyelidikan ini juga dapat dihasilkan dan dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan kepada pelajar-pelajar yang ingin mencari rujukan tentang bangunan warisan lama rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

1.6.4 Pelancongan

Bangunan bersejarah yang terdapat di negara Malaysia ini mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai lokasi atau tempat pelancongan kepada pelancong Malaysia mahupun luar negara yang ingin melancong ke negara Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, keunikan seni bina pada bangunan rumah kedai di jalan Sultan berupaya menarik pelancong asing untuk datang berkunjung ke lokasi tersebut. Bukan itu sahaja, terdapat beberapa buah rumah kedai di Jalan Sultan yang telah mengubahsuai rumah kedai tersebut kepada restoran atau kafe moden yang unik. Hal ini juga boleh menarik minat ramai orang tidak kira pelancong luar negara mahupun dalam negara untuk pergi ke bangunan rumah kedai yang berada di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Pemuliharaan bangunan warisan juga bukan sahaja dapat menawan hati pelancong luar, sekali gus dapat menjana potensi ekonomi serta dapat menyokong industri pelancongan warisan negara (A Ghafar Ahmad, 2010). Diharapkan dengan projek penyelidikan ini, bangunan rumah kedai di Jalan Sultan mampu dijadikan sebagai salah satu lokasi atau destinasi yang ingin dikunjung oleh warga pelancong asing. Tambahan pula, ia juga akan mampu meningkatkan lagi pendapatan dalam sektor pelancongan di dalam negara Malaysia.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan tertumpu kepada bangunan rumah kedai lama yang berada di lokasi Jalan Sultan, Kuala Lumpur serta jalan yang berdekatan dengan lokasi tersebut. Lokasi ini berdekatan dengan bandar raya Kuala Lumpur. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah ibu negara dan bandar terbesar di Malaysia serta ianya meliputi tanah seluas 244 km persegi (Besar et al., 2014). Lokasi ini juga berdekatan dengan Bangunan Sultan Abdul Samad yang terletak di Jalan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Dalam bab ini, akan diterangkan dengan terperinci tentang sejarah bangunan rumah kedai di Jalan Sultan. Kajian ini juga akan melibatkan kepada pemilik atau penyewa rumah kedai di lokasi tersebut bagi membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang penting bagi menghasilkan projek penyelidikan ini.

Dalam projek penyelidikan ini juga, pengkaji akan mengkaji kesan pemeliharaan yang telah dilakukan terhadap bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Seperti sedia maklum, bangunan rumah kedai yang terletak di jalan Sultan ini telah lama dibina iaitu seawal tahun 1899. Oleh hal yang demikian, sudah tentu bangunan rumah kedai ini telah mengalami perubahan *deterioration* atau deteriorasi disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Definisi deteriorasi daripada Jabatan Muzium Malaysia (*JMM*, n.d.) adalah kemusnahan atau kerosakan yang terjadi pada sesuatu objek. Bangunan yang telah lama dibina ini akan mengalami kemerosotan fizikal ketika bangunan tersebut sudah bertambah usianya. Kerosakan harta benda boleh terjadi disebabkan oleh unsur-unsur yang berlaku secara semula jadi

seperti angin, suhu yang melampau, serangga perosak, bencana alam dan sebagainya.

Bab ini juga akan menerangkan cadangan pemeliharaan dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Hal ini kerana, bangunan rumah kedai tersebut penting kepada pemilik atau penyewa untuk meneruskan perniagaan di Jalan Sultan tersebut. Bukan itu sahaja, bangunan rumah kedai ini juga telah lama dibina dan mempunyai banyak peristiwa sejarahnya yang tersendiri dan masih kukuh dan kekal sehingga ke hari ini. Pengkaji juga akan mencadangkan pemeliharaan dengan berpandukan piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji tidak mampu untuk mengkaji sesuatu yang besar secara lebih khusus, jadi pengkaji membataskan kajian ini supaya dapatan kajian adalah memuaskan. Oleh itu, pengkaji akan menyatakan had atau batasan kajian dalam kajian penyelidikan ini kepada pembaca. Dalam hal ini, kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur Yang Menyumbang Kepada Ekonomi Setempat yang mempunyai batasan dalam mendapatkan maklumat dalam menyiapkan untuk menghasilkan Projek Penyelidikan akhir ini. Perkara ini juga telah dijelaskan dalam Akhbar Berita Harian yang ditulis oleh (Alsagoff, 2018) menyatakan bahawa ‘berita tidak benar atau palsu dengan menjelaskan tentang apa-apa berkaitan dengan berita, informasi, bahan serta liputan yang sebahagiannya atau keseluruhannya palsu, sama ada dalam bentuk cerita, visual atau rakaman audio yang boleh menggambarkan peristiwa atau idea.’

Antara batasan kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk menyiapkan Projek Penyelidikan ini adalah pengkaji hanya memfokuskan sejarah latar belakang bangunan rumah kedai di Jalan Sultan antara tahun 1945 sehingga tahun 2020. Hal ini kerana, terdapat beberapa maklumat yang sukar diperolehi oleh pengkaji serta maklumat tersebut juga sulit untuk diberitahu kepada khalayak ramai. Maklumat boleh didefinisikan sebagai data yang telah diterjemahkan atau dicipta untuk memberi makna kepada pengguna yang menggunakannya (Perpustakaan Negara Malaysia, 2019). Bukan itu sahaja, ekoran daripada Pandemik Covid-19 juga telah

menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat serta sumber yang sahih bagi melengkapkan kajian Projek Penyelidikan ini.

Selain itu, pengkaji juga memfokuskan kepada beberapa deretan bangunan rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan dalam melakukan Projek Penyelidikan ini. Pengkaji akan menumpukan kepada perubahan yang telah mengalami proses deteriorasi atau kemerosotan yang telah terjadi kepada beberapa deretan bangunan rumah kedai di sekitar jalan Sultan sahaja. Pengkaji akan melihat kerosakan yang ada pada struktur luaran fasad bangunan rumah kedai itu sahaja. Antara kerosakan yang boleh dilihat adalah telah mengalami perubahan warna, penambahan wayar pada bahagian hadapan rumah kedai, penambahan fasad serta struktur bangunan dan sebagainya.

Batasan kajian yang seterusnya adalah pengkaji hanya menerangkan cadangan pemeliharaan melalui kaedah cara yang sesuai dalam mengekalkan struktur bangunan rumah kedai di Jalan Sultan Kuala Lumpur. Hal ini kerana, bangunan rumah kedai yang terletak di jalan Sultan ini perlulah diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab daripada dirobohkan atau dibiarkan begitu sahaja tanpa ada sebagai tindakan yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, potensi untuk pemuliharaan bangunan rumah kedai ini dapat menyumbangkan ekonomi kepada penduduk setempat terutama kepada pemilik atau penyewa rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Pengkaji akan mencadangkan cadangan pemeliharaan dan pemuliharaan dengan berpandukan piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) melalui kerjasama daripada orang awam,

institusi pendidikan, NGO dan lain-lain lagi.

FTKW



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.9 Definisi Terminologi

Terminologi adalah secara asasnya berhubung dengan nama dan proses penamaan. Menurut Roslina (2005) terminologi ialah pengajaran dan bahagian aktiviti yang memberikan tumpuan kepada penghimpunan, pemerincian, pemprosesan, dan penyampaian definisi atau maksud dalam satu atau beberapa bahasa. Definisi terminologi daripada Kamus Dewan Edisi Keempat pula bermaksud kajian tentang terminologi, kumpulan kata khas yang berpautan dengan sesuatu aspek ilmu.

1.9.1 Pemeliharaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pemeliharaan boleh didefinisikan sebagai perbuatan memelihara, pembelaan, perawatan iaitu amalkan langkah-langkah asas. Selain itu, maksud pemeliharaan adalah penjagaan iaitu pengolahan atau penyelenggaraan dan lain-lain lagi. Pemeliharaan (*conservation*) adalah satu istilah atau nama umum yang bermaksud segala metod yang terlibat untuk melindungi sesuatu kawasan atau tempat bagi tujuan menjaga serta memelihara kepentingan tradisi budaya dalam kawasan tersebut. Tindakannya termasuk penjagaan dan mengikut keadaan-keadaan tertentu termasuk pengekalan, pemulihan, pembangunan semula dan penyesuai-gunaan. Dalam pemeliharaan, teknik atau kaedah yang dilakukan oleh konservator adalah memperbaiki atau memperlakukan proses kemerosotan, kerosakan yang ada pada struktur fasad bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur.


1.9.2 Bangunan Rumah Kedai

Definisi bangunan daripada Kamus Dewan Edisi Keempat adalah sesuatu yang dibangunkan seperti gedung, rumah, kedai dan lain-lain. Manakala, maksud rumah daripada Kamus Dewan Edisi Keempat pula adalah binaan untuk tempat kediaman atau tempat tinggal, yang biasanya digunakan apabila memberi nama kepada sesuatu bangunan seperti bangunan, gedung dan lain-lain lagi. Definisi kedai pula adalah bangunan tempat menjual barang-barang, gerai, toko, bangunan tempat tinggal dan juga berniaga dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji melakukan kajian pemeliharaan bangunan rumah kedai yang telah wujud sekitar tahun 1940 an sewaktu tentera British datang ke Malaysia. Menurut Zalina Haji Samadi (2009), kelebihan bangunan warisan rumah kedai bukan setakat pada usia yang melebihi perekanya malah memiliki fasad dan susunatur dalamannya yang unik dan tersendiri dengan keperluan sosio-budaya zamannya.

1.9.3 Fasad

Fasad boleh didefinisikan sebagai satu sisi luaran bangunan, biasanya, tetapi tidak selalu asing dari permukaan Perancis, yang bermaksud “*frontage*” atau “*face*”. Dalam senibina, bangunan-bangunan sering merupakan aspek yang paling penting dari sudut reka bentuk, kerana menetap pada seluruh bangunan. Dari perspektif kejuruteraan bangunan, fasad juga sangat penting kerana kesannya terhadap kecekapan bersejarah. Fasad yang berasal dari Bahasa latin

‘*facies*’ yang membawa maksud wajah dan penampilan (Krier, 1998). Struktur fasad juga berkait rapat dengan setiap elemen pembinaan seperti orientasi bangunan, tingkap, bukaan pintu, kawalan silauan pencahayaan serta elemen-elemen reka bentuk yang lain (Amirah Zahrah Ahmad Saleh, M.F.I Mohd-Nor & Mohd Hafiz bin Mohamad, 2020).



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



1.10 Penutup

Kesimpulannya, dalam kajian ini pengkaji atau penyelidik ingin melakukan Projek Penyelidikan yang berkaitan dengan Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur yang Menyumbang kepada Ekonomi Setempat. Kajian ini dilakukan mengikut kaedah-kaedah kualitatif yang digariskan untuk mendapatkan hasil dalam bentuk Projek Penyelidikan. Objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah mengetahui sejarah dan perkembangan bangunan rumah kedai di jalan Sultan, mengetahui kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dan mengenalpasti cadangan yang perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Skop kajian projek penyelidikan ini adalah hanya memfokuskan kepada pemeliharaan bangunan rumah kedai yang terletak di jalan Sultan sahaja. Kajian ini juga mempunyai batasan atau had dalam memberikan atau menghuraikan maklumat yang berkaitan dengan bangunan rumah kedai di jalan Sultan. Kajian ini juga dapat memberi kepentingan kepada ramai pihak, antaranya ialah individu, masyarakat, institusi pendidikan dan juga pelancongan (A Ghafar Ahmad, 2010). Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan lama rumah kedai di negara Malaysia semakin berkurangan disebabkan oleh faktor-faktor yang tertentu. Oleh itu, dengan melakukan kajian ini, pengkaji dapat membuka mata kesemua pihak dalam memelihara serta menjaga bangunan rumah kedai yang telah lama dibina ini agar terus kekal sehingga generasi muda pada masa akan datang dapat melihatnya

kembali sebagai salah satu bangunan warisan lama penting di negara Malaysia.

FTKWW



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian atau *Literature Review* penting dalam sesuatu kajian sejarah. Sorotan kajian ditakrifkan sebagai mengkaji hasil kerja yang pernah dilakukan oleh orang lain. Bukan itu sahaja, sorotan kajian atau *literature review* juga berperanan dalam memberikan maklumat tentang perkembangan yang berlaku dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Rujukan ini boleh didapati di perpustakaan dan juga di media elektronik dalam laman-laman sesawang seperti *Google Scholar*, *Google Book*, *Document Paper* dan sebagainya dalam mendapatkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini kerana, rujukan daripada pengkaji-pengkaji lepas dapat membantu pengkaji dengan menjadikan panduan berkaitan kajian yang sedang dijalankan.

2.2 Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia

Negara Malaysia merupakan antara negara yang kaya dengan peninggalan bangunan bersejarah (Ab Wahab Lilawati, 2013). Bangunan bersejarah merupakan salah satu daripada khazanah negara yang perlu dipulihara dan dijaga supaya bangunan tersebut tidak mengalami kemusnahan dan dibiarkan begitu sahaja tanpa diambil tindakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Bukan itu sahaja, bangunan bersejarah juga penting untuk dipulihara dan dijaga agar bangunan tersebut dapat dikenalkan untuk dijadikan tatapan buat generasi muda pada masa akan datang. Namun begitu, dengan arus permodenan negara yang semakin pesat ini, kebanyakannya bangunan bersejarah di negara Malaysia ada yang telah dipulihara dan ada juga yang telah dimusnahkan disebabkan oleh faktor pembinaan bangunan di bandar terutamanya di Kuala Lumpur.

Di dalam kajian Pemuliharaan Bangunan Bersejarah “Kubu Alice” Bagi Menyokong Industri Pelancongan Warisan yang ditulis oleh (Richard, 2012) menyatakan bahawa rancangan pemuliharaan bangunan bersejarah haruslah dititikberatkan walaupun tindakan pemuliharaan bangunan bersejarah ini merupakan satu bidang yang masih baru di negara Malaysia. dan paling banyak didominasi oleh negara-negara di Eropah terutamanya negara Britain. Pemuliharaan merupakan satu aktiviti penyelenggaraan yang membabitkan kepada pemeliharaan dan menjagaan ke atas bangunan warisan atau bangunan bersejarah daripada dihapuskan dengan mengambil kira kepentingannya kepada negara serta masyarakat dalam faktor sejarah dan seni bina estetik terhadap bangunan warisan tersebut (Harun, S.N 2005). Manakala, dalam

kajian Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah yang ditulis oleh (A Ghafar Ahmad, 2006) pula menyatakan bahawa pemuliharaan bangunan bersejarah telah sekian lama dilakukan di Malaysia. Namun, kesedaran orang awam terhadap keprihatinan melindungi dan memelihara warisan seni bina tempatan masih di tahap yang minimum.

2.3 Sejarah Rumah Kedai Tradisional

Rumah kedai atau *Shophouse* telah dibina antara tahun awal abad ke-17 sehingga awal abad ke-20. Seni bina bangunan rumah kedai merupakan salah satu seni bina unik yang terdapat di Asia Tenggara, terutamanya di GeorgeTown, Pulau Pinang dan Melaka (Wan Ismail, 2005). Hal ini juga telah dinyatakan di dalam kajian Meneroka Kedai dan Rumah Bandar Bersejarah dan Elemen Senibina Vernakular sebagai Penyelesaian untuk Perumahan Tenaga Renda Pasif Yang Berjaya yang ditulis oleh Halena Aman Hashim dan Norafida Abd. Ghafar yang menyatakan bahawa tipologi bangunan rumah kedai yang ada di Malaysia dibawa oleh orang Cina iaitu pendatang China ke Malaysia pada tahun 1800-an.

Bangunan rumah kedai lama merupakan bangunan yang berasal dari bangunan-bangunan yang terletak di Selatan China (Chen-Voon, 1991). Kenyataan ini telah dinyatakan oleh (Too, n.d.) yang menyatakan bahawa reka bentuk bangunan-bangunan rumah kedai lama yang ditemui di negara Malaysia kebanyakannya diperbuat daripada kayu. Antara elemen rekabentuk yang sering dilihat pada bangunan rumah kedai di China adalah mempunyai ‘courtyard’ atau halaman, ‘gable’ dan sebagainya yang turut dapat ditinjau dari segi penggunaannya pada bangunan rumah kedai tradisional di Malaysia. Hal ini juga telah dinyatakan dalam kajian Gaya Seni Bina Bangunan Rumah Kedai Warisan di Ipoh Perak yang ditulis oleh Wan Nordiana Ali, Azira Ibrahim dan Noor Rizalinda Ishak yang menyatakan bahawa rumah kedai warisan di Malaysia.

mempunyai hubungan antara budaya seni bina yang pelbagai sebagai hiasan fasad yang diadunkan dengan motif yang berasal dari seni bina Selatan China dan Eropah.

2.4 Definisi dan Konsep Rumah Kedai

Bangunan rumah kedai lama atau tradisional telah menguasai hampir di seluruh kawasan atau tempat bandar negara Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam kajian ‘Inventori bangunan-bangunan Warisan Malaysia’ yang telah dihasilkan oleh Muzium Negara pada tahun 1991 menyatakan bahawa terdapat 35,000 bangunan sebelum perang di dalam 265 buah bandar di seluruh negara Malaysia (Zainol A. 1995). Bangunan rumah kedai lama ini bukan sahaja terdapat di negara Malaysia malah bangunan rumah kedai ini juga ada di negara-negara yang berdekatan dengan Malaysia iaitu Singapura, Indonesia dan sebagainya. Reka bentuk serta struktur bangunan rumah kedai yang terdapat di Singapura mempunyai persamaan dengan bangunan rumah kedai yang ada di negara Malaysia.



Rajah 2.1: Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur

(Sumber: Kajian Lapangan

(25 November 2021)

Bangunan rumah kedai tradisional boleh didefinisikan sebagai bentuk perumahan yang sempit dengan mempunyai 20 kaki pada bahagian hadapan dan 6 meter atau kurang, serta dibina di teres tanpa sisi pengudaraan hingga kedalaman 60 atau 70 kaki (Master Plan Singapore 1955). Namun begitu, pendapat Kohl D (1984) menyatakan bahawa rumah kedai lama betepatan dengan istilah atau konsep rumah teres atau deret iaitu yang merupakan sebuah rumah bersambung atau bercantum secara memanjang di atas tapak yang kecil dan menggunakan dinding separuh yang dikongsi dengan rumah di sebelahnya. Manakala, definisi atau istilah rumah leret atau deret mengikut takrifan Badan Warisan Malaysia (1990) pula adalah merupakan rumah bersambung (link) yang dibina secara bersambung dengan rumah di sebelahnya serta mempunyai keluasan yang kecil dan agak sempit pada bahagian dalam rumah tersebut.


2.5 Perubahan Gaya Bangunan Rumah Kedai Tradisional di Malaysia

Evolusi bangunan rumah kedai lama di negara Malaysia mencerminkan gabungan pengaruh budaya daripada pelbagai pihak di seluruh dunia termasuklah kepulauan Melayu, India, China dan Eropah (Too, n.d.). Rumah kedai tradisional Asia Tenggara adalah tradisi seni bina lama yang menggabungkan perumahan dan perniagaan yang dibangunkan di Malaysia pada akhir abad ke-18 hingga tahun 1960-an. Amalan yang memiliki kediaman keluarga pada tingkat atas serta perniagaan keluarga yang dilakukan pada tingkat bawah tentu sahaja bukan konsep baru atau khusus kepada negara Malaysia (Wagner, 2017).

2.5.1 Bangunan Rumah Kedai Gaya Awal (1790-1950)

Menurut (Wagner, 2017), gaya rumah kedai yang terawal adalah pada variasi pertama dari tipologi yang diperkenalkan kepada negara Malaysia bermula pada tahun 1790. Terdapat enam gaya utama pada perubahan bangunan tradisional rumah kedai di negara Malaysia yang bermula pada tahun 1790 sehingga 1950. Pada mulanya, rumah kedai dibina untuk memenuhi persekitaran yang lembap serta dapat melindungi dari tropika panas dan hujan. Rumah kedai awal dibina dengan saiz dan tinggi yang besederhana serta dibina dengan menggunakan kayu. Semasa batu-bata diperkenalkan, rumah kedai tersebut dibina dengan kapur mortar dan plaster kapur terlindung, dan lantai dilapisi dengan jubin terakota pada konkrit

kapur kosong. Dengan pengudaraan, bahan ini disimpan dalam bahagian bangunan baik sejuk mahupun kering (Tan Yeow Wooi, 2015). Hal ini juga telah dinyatakan oleh (Wagner, 2017) dalam artikel yang berjudul *Malaysian Shophouses: Creating Cities of Character* yang menyatakan bahawa rumah kedai yang dibina pada tahun 1790 ini merupakan rumah kedai yang paling asas. Selain itu, rumah kedai ini adalah ciri bandar pelabuhan di mana rumah kedai ini dipindahkan dari iklim tropika China Selatan yang menjadikannya sesuai untuk persekitaran Malaysia yang beriklimkan hujan panas. Keseluruhan konsep susun atur rumah kedai dikembangkan untuk mengatur matahari, hujan dan angin tropika.



Rajah 2.2: Lakaran Bangunan Rumah Kedai Gaya Awal

(1790-1950)

Sumber:https://kglakademi.dk/sites/default/files/projectdownloads/the_shophouse_research.pdf

(21 April 2021)

2.5.2 Bangunan Rumah Kedai Gaya Eklektik Cina Selatan (1840-1910 an)

Seterusnya adalah reka bentuk bangunan tradisional rumah kedai pada tahun 1840 sehingga 1910 an. Tipologi rumah kedai pada tahun tersebut adalah dirancang berdasarkan rumah kedai sebelumnya dengan dipengaruhi dari Selatan China (Wagner, 2017). Hal ini kerana, dalam reka bentuk bangunan tradisional tersebut telah memperkenalkan pintu sisir, lubang udara berbentuk pinggang di atas tingkap muka bawah dan jubin pengudaraan seramik hijau ke dinding rendah di atas hadapan rasuk. Pada tahun tersebut juga terdapat dua rumah digabungkan bersama dengan beberapa laluan pejalan kaki yang tertutup pada tingkat satu, yang meninggalkan beberapa ruang untuk ruang udara untuk cahaya (Tan Yeow Wooi, 2015).




Rajah 2.3: Lakaran Bangunan Rumah Kedai Gaya Eklektik Cina Selatan (1840-1910 an)

Sumber:https://kglakademi.dk/sites/default/files/projectdownload/s/the_shophouse_research.pdf (21 April 2021)

2.5.3 Bangunan Rumah Kedai Gaya Eklektik Selat Awal (1890-1920 an)

Bangunan lama Rumah Kedai dimulakan dengan perubahan yang diperkenalkan dalam tempoh peralihan selat awal gaya elektik dari 1890-1920 yang merupakan permulaan variasi gaya yang benar-benar unik (Wagner, 2017). Bangunan rumah kedai gaya elektik Selat Awal ini berbentuk memanjang secara menegak dan rumah pada tingkat bawah lebih tinggi berbanding dengan tingkat atas. Bangunan rumah kedai pada era ini juga telah diperbuat daripada batu dan konkrit bagi menggantikan struktur serpihan kayu walaupun kayu masih banyak digunakan sebagai hiasan dan elemen ukiran hiasan. Menurut (Tan Yeow Wooi, 2015), banyak bangunan vernakular pada waktu itu mula menampung unsur seni bina barat dan dipimpin kepada Gaya Eklektik Selat. Perbezaan terbesar dengan rumah kedai lain adalah peninggalan fasad tingkat satu barisan lebar penuh di atas dinding rendah yang memihak kepada ketinggian penuh bidai.



Rajah 2.4: Lakaran Bangunan Rumah Kedai Gaya Elektik

Selat Awal (1890- 1920 an)

Sumber: https://kglakademi.dk/sites/default/files/project-downloads/the_shophouse_research.pdf

(21 April 2021)

2.5.4 Bangunan Rumah Kedai Gaya Eklektik Selat Akhir (1910-1930)

Pada masa gaya eklektik selat akhir yang ditetapkan pada tahun 1910-1930 telah menggunakan aplikasi hiasan tumbuh untuk memenuhi seluruh kanvas fasad. Konfigurasi yang disusun secara rapi dengan banyak perincian, warna dan corak yang berbeza dilemparkan bersama untuk kesan visual yang maksimum. Rumah kedai menjadi begitu “bertatahkan dengan karya Cina dan juga gaya klasik dan perincian hiasan yang lain yang kadang-kadang disebut sebagai Cina”. Bukan itu sahaja, lampu dan kipas kaca di tingkap atas juga diperkenalkan untuk membolehkan cahaya semula jadi berada pada

dalam ruangan rumah kedai tersebut (Wagner, 2017). Menurut (Tan Yeow Wooi, 2015), bangunan rumah kedai gaya eklektik selat akhir ini merupakan rumah kedai penciptaan yang paling eklektik di mana gaya seni bina vernakular dan barat digabungkan di dalam reka bentuk bangunan rumah kedai gaya eklektik selat akhir tersebut. Ciri hiasan pada bangunan rumah kedai tersebut menjadi lebih menarik serta reka bentuk seni binaannya lebih kepada bentuk tiga dimensi.



Rajah 2.5: Lakaran Bangunan Rumah Kedai Gaya Eklektik Selat Akhir


(1910-1930)

Sumber: https://kglakademi.dk/sites/default/files/project-downloads/the_shophouse_research.pdf

(21 April 202

2.5.5 Bangunan Rumah Kedai Gaya Seni Deco (1930-1960)

Bangunan rumah kedai gaya seni deco yang sangat bergaya dicirikan oleh penekanan menegak pada bahagian depan. Walaupun masih terdapat beberapa hibridisasi antara elemen gaya pada awal 1930-an, namun terdapat lonjakan yang cukup besar dari penggabungan gaya sebelumnya untuk memperkemaskan gaya fasad pada bangunan rumah kedai gaya seni deco pada waktu dahulu Ashley Wagner (2017). Menurut (Tan Yeow Wooi, 2015), pula menyatakan bangunan rumah kedai gaya seni deco ini menunjukkan permukaan yang bersih, ungkapan geometri dan linear fasad menunjukkan perubahan drastik dalam evolusi rumah kedai. Gaya Seni Deco sangat popular dan disesuaikan dengan kawasan tropika iaitu dengan tingkap kaca berwarna serta bingkai keluli yang diperkenalkan pada waktu itu.




Rajah 2.6: Lakaran Bangunan Rumah Kedai Gaya Seni Deco

(1930-1960)

Sumber: https://kglakademi.dk/sites/default/files/project-downloads/the_shophouse_research.pdf (22 April 2021)

2.5.6 Bangunan Rumah Kedai Gaya Moden Awal (1950-1970)

Bangunan Rumah Kedai Gaya Moden Awal pada tahun 1950 sehingga 1970-an ini menunjukkan gaya antarabangsa yang dipengaruhi gaya terkini, rasionalisme, fungsionalisme dan pengeluaran besar-besaran untuk semua bangunan bentuk dan unsur. Rekaan perubahan rumah kedai dengan penampilan rata diterselehan oleh sirip perlindung cahaya menegak dan mendatar. Ia juga diperkuatkan dengan konkrit yang menjadi pilihan bahan binaan yang lebih besar, jarak yang lebih luas untuk peluang memasang kantilever fasad tingkat satu di atas jalan kaki lima untuk keperluan tiang tepi jalan (Tan Yeow Wooi, 2015).



Rajah 2.7: Lakaran Bangunan Rumah Kedai Gaya Moden Awal

(1950-1970)


Sumber: https://kglakademi.dk/sites/default/files/project-downloads/the_shophouse_research.pdf

(22 April 2021)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.6 Rekabentuk dan Susunatur Bangunan Rumah kedai di Malaysia

Menurut (Syahril, 2007), kebanyakkan bangunan rumah kedai di negara Malaysia ini dibina dengan diperbuat daripada campuran bahan konkrit dan juga kayu. Rumah kedai yang masih ada dan kekal di beberapa bandar-bandar di negara Malaysia ini merupakan rumah yang diwarisi dari keturunan atau generasi kepada generasi yang lain dengan melalui beberapa abad yang telah memperbanyakkan lagi gaya seni bina struktur bangunan rumah kedai ini. Antara corak atau gaya senibina bangunan rumah kedai adalah seperti pada Rajah 2.8.




Rajah 2.8: Gaya-gaya Rumah Kedai Tradisional di Malaysia (1950-1970)

(Sumber: <http://repo.uum.edu.my/7770/1/Sy.pdf>

(1 April 2021)

Dalam kajian *Sustainable Building Assessment of Colonial Shophouses after Adaptive Reuse in Kuala Lumpur* yang ditulis oleh Karam M. Al-Obaidi, Sim Li Wei, Muhammad Azzam Ismail dan Kenn Jhun Kam (Al-Obaidi et al., 2007) yang mengatakan struktur bangunan rumah kedai Cina tingginya dua hingga tiga lantai dengan bahagian dalaman susun atur. Rumah kedai dibina sepanjang jalan dengan grid seragam yang telah ditetapkan. Seterusnya panjang pelan lantai rumah kedai berbentuk segi empat tepat serta pada bahagian depan rumah kedai tersebut sedikit sempit. Tingkat bawah, yang menghadap jalan adalah untuk tujuan komersial, sedangkan bahagian belakang dan tingkat atas rumah kedai adalah untuk kegunaan peribadi. Namun kini, bangunan rumah kedai di sepanjang jalan Sultan telah diubah menjadi hotel, kafe, bar serta restoran untuk memenuhi keperluan moden penduduk tempatan dan juga pelancong asing.



Rajah 2.9: Bahagian Bangunan Rumah Kedai China

(Sumber: <https://doi.org/10.3390/buildings7040087>

(1 April 2021)

2.7 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama di Malaysia

Konsep pemeliharaan yang ditakrifkan oleh Howe, B.J et al., (2017) adalah perbuatan atau proses untuk melakukan tindakan bagi mengekalkan bentuk sedia ada, integriti dan bahan sesebuah bangunan atau struktur, dan bentuk sedia ada serta tumbuhan pelindung sesuatu tapak. Pemuliharaan boleh didefinisikan sebagai penjagaan dengan penuh tekad yang membabitkan pemeliharaan dan pengekalan atas sumber-sumber bersejarah semula jadi bagi mengamalkan makna intrinsik, menunjukkan penghormatan, melahirkan kegembiraan atau keseronokan rekreasi dan melindungi pilihan untuk generasi pada masa akan datang (Pearce, 1997).

2.7.1 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama kepada Masyarakat.

Menurut Fielden (2000), pemeliharaan bangunan adalah satu langkah yang perlu dilakukan bagi menghalang kerosakan. Bukan itu sahaja, ia juga merangkumi semua langkah yang dapat memanjangkan hayat warisan budaya dan warisan semulajadi bangunan tersebut. Selain itu, kepentingan pemeliharaan bangunan lama ini juga dapat memberi contoh serta pengajaran kepada masyarakat terutamanya kepada generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, disebalik bangunan lama yang ada di Malaysia ini mempunyai peristiwa sejarahnya yang tersendiri yang perlu diketahui oleh masyarakat pada hari ini. Sebagai contoh, bangunan

rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini merupakan bangunan kolonial British yang pernah diduki oleh tentera British pada sewaktu ketika dahulu.

2.7.2 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama kepada Sektor Pelancongan.

Pemeliharaan bangunan lama juga turut dapat menyumbangkan kepada sektor pelancongan. Di negara barat, usaha pemeliharaan bangunan lama telah menjadi satu agenda dalam industri pelancongan di dalam negara mereka (Lilawati Ab Wahab, 2007). Manakala, dalam artikel yang bertajuk Masalah dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia yang ditulis oleh (Siti Nor Fatimah Zuraidi et al., 2011) yang mengatakan bahawa pemeliharaan bangunan-bangunan tradisional di dalam bandar pada era masa kini boleh dianggap sebagai salah satu industri atau aspek yang menyumbang kepada ekonomi sesebuah negara khususnya dalam sektor pelancongan. Warisan sejarah termasuk bangunan lama dan bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia merupakan salah satu elemen penting dalam pembentukan produk pelancongan sesebuah negara.

2.7.3 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama kepada Nilai Pendidikan.

Bangunan lama dan monumen lama memainkan peranan yang penting dalam mendidik masyarakat Malaysia khususnya kepada pelajar atau penyelidik tentang fungsi dan peranan bangunan institusi di negara ini sewaktu era kolonial British (A Ghafar Ahmad, 2010). Bukan itu sahaja, pemeliharaan bangunan lama ini juga dapat memberi pendidikan dengan memahami gaya hidup masyarakat serta peristiwa sejarah pada ketika. Hal ini juga telah dinyatakan oleh (Nafida, 2007) dalam kajian yang bertajuk *Kajian Tipologi Rumah Kedai Awal Era Belanda di Bandar Melaka: Sumbangan kepada Bidang Pemuliharaan di Malaysia* yang mengatakan bahawa kajian mengenai bangunan lama ini adalah penting kepada bidang pendidikan yang menjadikan pembukaan ke arah penjiwaan atau penghayatan terhadap warisan dan aset khazanah negara.

2.7.4 Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Lama kepada Pembentukan Minda.

Menurut A. Gafar Ahmad (2010), pemuliharaan bangunan warisan atau bangunan lama amat penting di dalam pembentukan minda generasi muda negara terutamanya ke arah penghayatan warisan dan khazanah negara. Bangunan warisan merupakan aset negara yang patut dipelihara dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Hal ini dapat membuka mata kepada golongan

orang muda untuk lebih menghargai dan peka terhadap perkembangan sejarah negara Malaysia.

Manakala, dalam kajian yang bertajuk Masalah Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia yang ditulis oleh (Siti Nor Fatimah Zuraidi et al., 2011) pula mengatakan bahawa meskipun pengetahuan tentang pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bangunan rumah kedai lama dalam kelompok masyarakat Malaysia masih di tahap yang kurang memuaskan atau sederhana, namun bangunan lama tersebut penting untuk dipulihara dan dijaga untuk diberikan keutamaan sebelum warisan dan khazanah negara lenyap dibawa oleh arus pemodenan.

2.8 Pemeliharaan Bangunan Lama Menyumbang Kepada Sektor Ekonomi Dan Pelancongan di Malaysia

Kebanyakkan bangunan warisan di Kuala Lumpur terletak berhampiran dengan lokasi utama di mana tanah tersebut mendapat premium yang besar. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan lama seperti bangunan rumah kedai yang masih kekal sehingga kini yang terdapat di sekitar jalan Kuala Lumpur dapat menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat. Dalam petikan akhbar *New Straits Times* yang ditulis oleh (Dr Robiah Abdul Rashid, 2016) menyatakan bahawa bangunan warisan memainkan peranan penting dan merupakan bangunan yang dapat memberi nilai tambah kepada sesuatu lokasi. Potensi ekonomi mereka dapat direalisasikan melalui pelancongan warisan. Manakala, bangunan bersejarah di Eropah, contohnya disuai guna semula untuk menjadi premis perniagaan, muzium galeri seni, restoran dan juga pusat pelancongan yang memuka banyak memberi peluang ekonomi (A Ghafar Ahmad, 2010). Begitu juga dengan bangunan rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan, kini kebanyakkan daripada bangunan rumah kedai tersebut telah dijadikan restoran, kafe moden, hotel dan sebagainya. Hal ini dapat menarik minat pelancong serta orang awam yang tinggal di luar maupun dalam negara untuk mengunjungi bangunan rumah kedai tersebut.


2.9 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian adalah penting dalam melakukan kajian penyelidikan. Sorotan kajian merupakan bahagian atau bab yang boleh mengetahui kajian-kajian lepas serta dapat membantu pengkaji untuk menambahkan lagi maklumat tentang tajuk kajian yang dilakukan. Bukan itu sahaja, sorotan kajian ini juga penting untuk dilakukan agar pengkaji dapat mengetahui serta dapat menjadikan kajian lepas tersebut sebagai tambahan rujukan kepada pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

Bukan itu sahaja, dengan melakukan sorotan kajian ini pengkaji juga dapat melihat skop kajian, metodologi kajian, dapatan kajian yang dilakukan oleh penyelidik lain daripada kajian lepas dengan lebih jelas. Dari segi permasalahan kajian yang dihadapi oleh pengkaji, sorotan kajian ini sedikit sebanyak telah membantu pengkaji dalam pengumpulan maklumat yang pelbagai berkenaan dengan permasalahan kajian yang dihadapi oleh pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, sorotan kajian ini dapat mengenalpasti samada permasalahan kajian yang ingin dikaji telah dijalankan oleh penyelidik yang lain atau dapat mengembangkan lagi idea pengkaji dalam melakukan Projek Penyelidikan ini.

Isu pemeliharaan bangunan lama pada masa kini semakin tidak diambil peduli oleh segelintir masyarakat terutamanya dalam kalangan remaja. Hal ini diakatakan demikian kerana, pemeliharaan bangunan lama ini tidak dianggap penting bagi mereka. Namun demikian, bangunan lama ini perlulah dipelihara dan dijaga oleh kesemua pihak tidak kira golongan muda maupun tua.

Hal ini kerana, bangunan lama ini mempunyai keunikan rekabentuk bangunan serta mempunyai nilai sejarah serta warisan yang tinggi yang tercatat disebalik bangunan lama tersebut.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat metodologi membawa maksud teknik prosedur yang meliputi metode serta asad yang digunakan dalam kegiatan atau disiplin. Metodologi kajian juga menjelaskan tentang kaedah pengumpulan data serta analisis data sepanjang menjalankan kajian penyelidikan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dalam mencari serta mengumpul maklumat dalam menhasilkan Projek Penyelidikan ini.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat definisi kualitatif adalah bermaksud kualiti, mutu, perkembangan dan sebagainya. Kajian kualitatif mempunyai beberapa jenis kajian antaranya ialah kajian lapangan dan jenis kajian kes. Data kualitatif dikenalpasti dalam bentuk temubual, pemerhatian serta analisis dokumen (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Hasil data kualitif terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian dan temubual di lapangan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu prosedur penggarapan data atau maklumat yang dicapai melalui pengaturan khas dan terancang kepada penciptaan rantaian kaitan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kerlinger, 1970). Menurut Mc Milan dan Schumacher (1984), reka bentuk tinjauan atau kajian melihat kepada kaedah pengkaji mengendalikan sesuatu kajian, serta proses atau metode yang digunakan bagi memenuhi kajian projek penyelidikan. Pengkaji menggunakan dua jenis sumber dalam menjalankan projek penyelidikan ini. Antaranya ialah sumber primer dan sumber sekunder. Menurut Syed Ismail (2010), sumber primer merujuk kepada sumber penciptaan baru, pengkajian yang betul atau asli atau sesuatu kajian yang boleh dikeluarkan atau tidak boleh dikeluarkan yang terdiri daripada maklumat yang asli.


Jadual 3.1: Jadual Reka Bentuk Kajian

No	Objektif Kajian	Reka Bentuk Kajian
1.	Mengetahui sejarah dan perkembangan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	Pemerhatian, Temubual dan Analisis dokumen
2.	Mengetahui kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur	Pemerhatian dan Temubual
3.	Mengenalpasti cadangan yang perlu dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.	Temubual

Berdasarkan jadual 3.1 yang menunjukkan jadual reka bentuk kajian.

Reka bentuk kajian merupakan prosedur penyusunan data yang dikumpulkan atau diambil berdasarkan perancangan khusus dan sistematik. Dalam kaedah ini, pengkaji menggunakan kaedah temubual dalam menjalankan kajian projek penyelidikan ini. Pengkaji akan menemubual responden dalam kalangan masyarakat yang tinggal berdekatan dengan lokasi kajian iaitu jalan Sultan, Kuala Lumpur. Pengkaji akan turun ke lapangan kajian untuk mendapatkan responden temubual bagi mendapatkan maklumat dan data dalam menghasilkan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mendapatkan mendapatkan data atau maklumat yang berkaitan dengan bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Data primer merupakan jenis data yang dikumpulkan atau didapatkan oleh pengkaji melalui secara langsung dari sumber utama. Manakala, data sekunder pula merupakan data yang telah dikumpulkan daripada penyelidikan atau peneliti daripada pihak yang lain. Temubual informan, pemerhatian dan penelitian dokumen merupakan data primer yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan kajian projek penyelidikan akhir ini. Data sekunder yang digunakan oleh pengkaji pula adalah daripada sumber internet untuk mendapatkan artikel serta jurnal yang berkaitan dengan projek penyelidikan pengkaji. Antara kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan projek penyelidikan ini telah dinyatakan dalam rajah 3.1 di bawah:



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

Carta aliran kaedah kajian (Rajah 3.2) adalah suatu perkara yang penting dalam menghasilkan projek penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya carta aliran kaedah kajian tersebut ia dapat memudahkan kerja pengkaji dalam melakukan projek penyelidikan akhir ini. Bukan itu sahaja, dengan melakukan carta aliran ini juga pengkaji dapat gambaran awal kajian sebelum memulakan kerja mengikut susun atur carta aliran tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji juga digalakkan untuk menggunakan kesemua kaedah yang disenaraikan agar sumber maklumat yang diperolehi tersebut mencukupi untuk menghasilkan projek penyelidikan akhir pengkaji.



Rajah 3.2: Carta Aliran Bagi Kaedah Penyelidikan

3.2.1 Data Sekunder

Pengkaji mendapatkan kajian-kajian terdahulu dengan berkunjung ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur dan Arkib Negara bagi mendapatkan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik atau tajuk yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah mendapatkan maklumat atau bahan kajian terdahulu sebanyak yang mungkin untuk dijadikan sebagai panduan atau sumber rujukan bagi menghasilkan projek penyelidikan ini. Antara bahan rujukan adalah terdiri daripada buku, artikel, jurnal, tesis, bahan penulisan yang berkaitan dan sebagainya. Data jenis sekunder ini juga digunakan bagi memperoleh maklumat tambahan berkaitan dengan pemuliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

3.2.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan menurut (Asmah Hj Omar, 2008), merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji yang menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berpandukan objektif kajian. Kajian lapangan digunakan untuk memperoleh informasi dan data-data terpilih yang berkaitan dengan bangunan rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Pengkaji akan menumpukan kepadauraian terperinci tentang situasi, interaksi dan kerja lapangan yang akan dijalankan. Pengkaji melakukan kajian ini untuk melihat dan menganalisis perubahan struktur seni bina terhadap bangunan

rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan melihat sejauh mana potensi pemeliharaan yang telah dilakukan terhadap bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Melalui kaedah kajian lapangan ini, pengkaji akan merekodkan data-data melalui gambar, catatan, rakaman, dan sebagainya untuk dimasukkan ke dalam laporan projek penyelidikan.

3.2.3 Temu bual

Kaedah temubual merupakan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh informasi atau maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian daripada pengkaji. Kaedah temubual dilakukan dengan menyertakan dua perbualan antara pengkaji dengan responden bagi tujuan mendapatkan imformasi yang relevan. Jenis temubual yang dilakukan adalah temubual separa berstruktur. Pengkaji menggunakan temubual separa berstruktur bagi memberikan keselesaan kepada informan untuk memberikan maklumat dan dapat memperoleh maklumat secara bebas dan menyeluruh. Bagi melengkapkan kaedah temubual ini, pengkaji telah memilih responden atau informan secara rawak. Informan yang dipilih terdiri daripada pemilik rumah kedai, pengusaha restoran, Pegawai Penolong Kurator bahagian Konservasi Warisan Jabatan Warisan Negara, Kakitangan Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan orang awam.

Dalam kaedah temubual, pengkaji akan meminta keizinan atau kebenaran daripada pemilik atau penyewa bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Bukan itu sahaja, temubual juga akan dijalankan terhadap orang-orang sekeliling yang berdekatan dengan tempat kajian melalui aspek pengalaman, pengetahuan dan persepsi mereka terhadap bangunan rumah kedai yang terletak di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Temubual ini juga akan dijalankan terhadap individu penting yang mengetahui tentang pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan rumah kedai yang terletak di jalan Sultan Kuala Lumpur. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan menggunakan platform menerusi aplikasi *Whatsapp*, *Google Meet*, dan sebagainya jika pandamik covid-19 di Malaysia masih tidak reda atau pulih sepenuhnya lagi.

3.2.4 Catatan

Setiap maklumat yang diperolehi semasa melakukan pemerhatian dan temubual bersama responden dicatatkan di dalam buku nota atau buku log yang berkulit keras. Melalui catatan ini, sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji untuk menganalisis data dengan mudah dan tersusun tanpa perlu mencari maklumat di berlainan tempat. Bukan itu sahaja, kaedah ini juga dapat membantu pengkaji dalam menghasilkan penulisan laporan kajian. Catatan penulisan pengkaji juga dibantu dengan sedikit lukisan rajah supaya pengkaji dapat menggambarkan dengan tepat bahagian yang terdapat

pada bangunan rumah kedai di jalan Sultan Kuala Lumpur.

3.2.5 Rakaman Foto

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji juga telah mengambil foto atau gambar yang berkaitan semasa kajian dijalankan di kajian lapangan. Foto-foto ini membolehkan pengkaji menjadikannya sebagai bahan rujukan untuk melengkapkan data kajian. Bukan itu sahaja, foto-foto ini juga dapat menguatkan lagi bukti kajian untuk dimasukkan di dalam laporan kajian untuk mendapat penjelasan dengan lebih terperinci kepada pembaca. Kaedah ini bertujuan untuk merekod kesemua data-data sebagai langkah berjaga agar pengkaji tidak kehilangan maklumat semasa melakukan kajian projek akhir ini. Pengkaji telah menggunakan telefon pintar beserta kamera digital dalam melakukan kaedah kajian rakaman foto ini.

3.2.6 Penelitian Dokumen dan Laporan Penulisan

Penelitian dokumen merupakan kaedah kajian yang perlu dilakukan selepas pengkaji telah mendapat bahan rujukan, data serta maklumat yang relevan yang berkaitan dengan objektif pengkaji dalam projek penyelidikan. Menurut Moleong (2011), penelitian atau penyelidikan kualitatif adalah penyelidikan yang bermaksud untuk memahami fakta tentang subjek pengkajian secara holistik dan dengan cara penjelasan dalam bentuk kata-kata dan bahasa, pada suatu konteks khusus yang ilmiah dan dengan memanfaatkan

berbagai kaedah metod ilmiah. Bukan itu sahaja, menurut (Hayati Rina, 2020), penelitian dokumen merupakan dokumen yang mempunyai data penting untuk keperluan penelitian. Pengkaji menggunakan dokumen yang diperolehi sebagai salah satu sumber rujukan oleh pengkaji dalam menyiapkan projek penyelidikan akhir. Oleh itu, dalam bahagian kaedah ini sangat penting dilakukan selepas kajian lain dilakukan selesai.



3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu cara atau kaedah yang digunakan untuk memperolehi data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian penyelidikan. Instrumen kajian juga berfungsi sebagai satu alat untuk mendapatkan data dan maklumat bagi menjawab persoalan dan kenyataan berkaitan dengan objektif kajian. Instrumen kajian juga mengenai soalan atau kenyataan yang dibentuk khas untuk maklumat kajian (Norhayati, 2011). Tujuan penggunaan instrumen semasa menjalankan kajian ini adalah untuk memudahkan pengkaji dalam mendapatkan data bagi memastikan objektif kajian tercapai dengan sempurna.

Kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan projek penyelidikan ini adalah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah temubual dan kaedah pemerhatian dan penelitian dokumen. Melalui kaedah temubual, beberapa pihak yang terdiri daripada peniaga dan penyewa bangunan rumah kedai di Jalan Sultan adalah penting agar maklumat atau data yang diperoleh oleh pengkaji tidak disalah tafsir dan juga disalah anggap. Instrumen yang akan digunakan semasa kajian ini adalah senarai soalan yang ingin diajukan atau disoal kepada responden, buku catatan, telefon pintar, Ipad dan sebagainya untuk merakam video dan suara daripada responden untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan projek penyelidikan pengkaji.

Seterusnya kaedah pemerhatian yang merupakan kaedah yang dilakukan dengan berkunjung ke tempat kajian secara langsung untuk memerhati dan mengetahui sejauh mana pemeliharaan yang telah dilakukan terhadap bangunan rumah kedai yang terletak di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Pemerhatian terhadap sampel kajian ini lebih terperinci, jelas dan lebih tepat malahan menjadi maklumat yang boleh dijadikan bahan rujukan (Norhayati, 2011). Pemerhatian yang dijalankan haruslah sistematik dan konsisten agar masa yang diluangkan oleh pengkaji dapat digunakan dan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

3.4 Prosedur Pungutan Data

Sebelum kajian lapangan mula dilakukan untuk mengumpulkan semua maklumat dan data, pengkaji telah mendapatkan surat kebenaran terlebih dahulu daripada fakulti untuk menjalankan kajian projek penyelidikan ini. Seterusnya, pengkaji mendapatkan dokumen-dokumen iaitu rujukan buku beserta kajian lepas daripada perpustakaan Universiti dan pensyarah daripada elektif Konservasi Warisan. Responden yang terlibat diberitahu secara lisan bagi mendapatkan persetujuan atau keizinan daripada mereka sebelum apa-apa temubual serta rakaman foto dijalankan. Responden diberikan kebebasan tarikh, waktu dan tempat untuk ditemubual tanpa ada gangguan masa daripada pihak responden dan juga pengkaji. Pengkaji menyakinkan responden bahawa kajian ini bukan hanya untuk pemeliharaan bangunan rumah kedai sahaja, bahkan dapat menjaga serta mengekalkan bangunan rumah kedai tersebut daripada dirobohkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dapat

menyedarkan masyarakat bahawa pentingnya pemeliharaan bangunan rumah kedai ini kepada negara dalam aspek pelancongan dan ekonomi.

3.5 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil kajian dalam Projek Penyelidikan ini, pengkaji akan dapat mengetahui tentang sejarah dan perkembangan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan secara menyeluruh melalui maklumat yang didapati daripada sumber analisis dokumen serta pemilik dan penyewa bangunan rumah kedai tersebut. Hal ini dapat menepis persepsi segelintir masyarakat setempat yang tidak mengetahui akan peristiwa sejarah terhadap bangunan rumah kedai yang telah lama dibina di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dijangkakan dapat mengetahui potensi pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Hal ini kerana, terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang ditulis oleh penyelidik-penyelidik yang lain yang menghasilkan Projek Penyelidikan yang berkaitan dengan bangunan rumah kedai lama di negara Malaysia.

Jangkaan hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran yang lebih nyata bagaimana spesifikasi pemeliharaan dapat dijalankan oleh pihak-pihak tertentu. Pemeliharaan dilakukan agar bangunan rumah kedai ini dapat dikekalkan tanpa ada sebarang campur tangan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin merobohkan atau memusnahkan bangunan rumah kedai ini disebabkan faktor-faktor yang tertentu. Kejayaan dalam mencadangkan kaedah pemeliharaan yang relevan dilihat telah berjaya mengubah secara fizikal terhadap bangunan-bangunan lama. Sebagai contoh, kajian tentang Pengekalan dan Pemuliharaan lama dan Bersejarah di

Bandar Klang dapat dijadikan sebagai destinasi pelancongan dalam negara Malaysia. Hal ini kita dapat lihat, bangunan lama yang ada di negara Malaysia ini bukan sahaja mempunyai peristiwa sejarahnya yang tersendiri malah ia juga dapat menyumbang kepada ekonomi dalam sektor pelancongan di negara Malaysia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.6 Penutup

Kesimpulannya, kaedah-kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji telah membantu pengkaji dalam melengkapkan kajian ini. Pengkaji juga dapat mempunyai pelbagai maklumat penting bagi menyiapkan kajian ini. Jika tiada sumber maklumat hasil daripada metodologi kajian sudah tentunya pengkaji akan sukar untuk menyiapkan kajian ini. Bukan itu sahaja, jika tiada sumber maklumat ini, sudah pastinya pengkaji mengalami kesukaran dalam menyiapkan Projek Penyelidikan Akhir ini. Sumber-sumber maklumat yang telah diperolehi oleh pengkaji sedikit sebanyak telah membantu pengkaji untuk menyempurnakan kajian ini. Peralatan-peralatan yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan tugas ini juga telah disediakan awal oleh pengkaji supaya tidak mengganggu perjalanan kajian sehingga proses pendokumentasian yang akhir dilakukan.

Metodologi kajian yang diguna ini seharusnya perlu memiliki teknik yang bersistematik bagi mendapatkan dapatan kajian yang mempunyai kesahihan serta bermakna kepada Projek Penyelidikan yang ingin dilaksanakan. Oleh itu, metodologi kajian amat penting dalam menjalankan sesebuah kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, kaedah-kaedah dalam metodologi kajian ini telah membantu serta memudahkan pengkaji dalam menghasilkan Projek Penyelidikan akhir ini. Pengkaji berharap dengan maklumat yang diperolehi melalui kaedah metodologi kajian ini mampu dijadikan sebagai rujukan tambahan kepada para pengkaji yang lain.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang merangkumi tiga objektif utama yang dinyatakan pengkaji iaitu pertama pengkaji dapat mengetahui sejarah serta perkembangan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Objektif kajian pertama ini, pengkaji mendapatkan maklumat dengan menganalisis dokumen, mendapatkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk pengkaji serta menemubual beberapa responden yang terdiri daripada penyewa kedai dan orang awam yang mengetahui tentang sejarah serta perkembangan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan. Objektif kedua adalah mengetahui kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Ekoran daripada peredaran zaman, ibu negara Malaysia iaitu Kuala Lumpur telah mengalami beberapa perubahan iaitu Kuala Lumpur telah berkembang maju dari hari ke hari. Oleh itu, terdapat beberapa perubahan yang telah dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan serta pemilik kedai bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Objektif yang ketiga yang dilakukan

oleh pengkaji adalah mencadangkan kaedah atau langkah yang perlu dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Cadangan-cadangan ini akan mengutarakan bagaimana kaedah atau cara yang terbaik untuk memelihara bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur.

4.2 Analisis Demografi Responden

Responden merupakan orang yang memberikan maklumat iaitu dengan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden tersebut.

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan pecahan nama, umur, tempat dan tarikh temubual di antara pengkaji dan responden. Terdapat 12 orang responden yang terdiri daripada pemilik rumah kedai, penyewa rumah kedai, peniaga jalanan, Kakitangan Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Pegawai Jabatan Warisan Negara dalam bahagian Konservasi Warisan dan orang awam yang berada di sekitar rumah kedai lama Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Responden juga terdiri daripada lingkungan umur antara 30 tahun sehingga 70 tahun dan terdiri daripada 5 orang jantina lelaki dan 6 orang jantina perempuan.

Jadual 4.1 Nama-Nama Responden Yang Telah Ditemubual Pengkaji

Bil	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual	Kod Responden
1.	Eng Shan (Penyewa Kedai)	70	4 Oktober 2021	R1
2.	Tai Wo (Penyewa Kedai)	69	4 Oktober 2021	R2
3.	Puan Munirah Binti Selamat (Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta)	56	6 Oktober 2021	R3
4.	Puan Jaizah Binti Johari (Penolong Pengarah Arkitek Jabatan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Bangunan)	40	11 November 2021	R4
5.	Ng Sin Leong (Pengasas Kafe Mingle)	47	9 November 2021	R5
6	Hermes Mah Chee Ming (Pengasas Kafe Leaf & Co)	48	12 November 2021	R6
7	Mas Ayu Binti Mohd Tahir (Kurator Bahagian Konservasi)	45	23 November 2021	R7
8	Afiszal Bin Abu Shaari (Pembantu Kurator)	30	23 November 2021	R8
9	Calvin (Penyewa Kedai)	50	25 November 2021	R9

10	Shakilala (Penyewa Kedai)	48	25 November 2021	R10
11	NurAzliana Haslin (Pegawai Perancang Bandar Seksyen Pelan Tempatan, Jabatan Perancangan Bandaraya DBKL)	28	30 Disember 2021	R11
12	Muhammad Haziq Izzat Orang Awam	24	10 November 2021	R12

4.3 Sejarah Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Sejarah jalan Sultan bermula pada zaman penjajahan di mana kebanyakan bangunan adalah campuran daripada gaya barat serta Melayu. Kebanyakan bangunan kerajaan banyak dipengaruhi oleh mereka dan beberapa rumah. Bangunan rumah kedai di Jalan Sultan telah wujud sekitar tahun awal tahun 1900. Rumah kedai yang dibina merupakan bangunan perniagaan yang banyak diduduki oleh masyarakat Cina pada masa dahulu dan masih berkekalan sehingga ke hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, rumah kedai ini telah berfungsi sebagai bangunan perniagaan dan juga kediaman yang telah memudahkan masyarakat untuk menjalankan kegiatan ekonomi mereka.

Hasil daripada temubual yang dijalankan oleh pengkaji bersama beberapa orang responden yang terdiri daripada beberapa orang peniaga kedai berdekatan dengan Jalan Sultan. Merujuk kepada soalan pertama iaitu bagaimana sejarah bangunan rumah kedai di Jalan Sultan Kuala Lumpur, responden pertama telah

menyatakan bahawa bangunan rumah kedai lama di Jalan Sultan telah ada seawal zaman sebelum kemerdekaan lagi iaitu pada tahun 1800. Rumah kedai yang dibina merupakan bangunan perniagaan yang banyak diduduki oleh masyarakat Cina pada masa dahulu dan masih berkekalan sehingga ke hari ini. Hal ini kerana, rumah kedai telah berfungsi sebagai bangunan perniagaan dan juga kediaman yang telah memudahkan masyarakat untuk menjalankan kegiatan ekonomi mereka. Manakala, responden kedua pula menyatakan bahawa sejarah bangunan rumah kedai di Jalan Sultan telah ada sejak 60 tahun yang lalu. Hal ini kerana, terdapat sebuah bangunan yang berdekatan dengan deretan bangunan rumah kedai iaitu sebuah bangunan Hotel Malaya yang telah dibina seawal tahun 1957.

Seterusnya, bagi soalan kedua pula, R1 telah menyatakan bahawa bangunan-bangunan rumah kedai yang terdapat di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini kebanyakannya telah dibina seawal zaman sebelum kemerdekaan lagi. Salah satu rumah kedai yang dibina awal di Jalan Sultan tersebut adalah merupakan sebuah kedai restoran yang telah dibina seawal tahun 1938. Menurut R1 juga, usia bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur kebanyakannya telah berusia lebih daripada 100 tahun. Manakala, menurut daripada responden kedua pula, usia bangunan rumah kedai di Jalan Sultan kebanyakannya telah berusia lebih daripada 90 tahun.

Menurut daripada R3 yang merupakan salah seorang pegawai di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyatakan bahawa, kebanyakkan daripada bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dibina sekitar tahun 1800 sehingga tahun 1890. Hal ini telah dinyatakan di dalam Enakmen Dewan Bandaran yang telah dikeluarkan oleh

pihak Jabatan Penialain dan Pengurusan Harta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara maklumat yang terdapat dalam Enakmen Dewan Bandaran tersebut adalah nama Pemilik rumah kedai, tahun rumah kedai dibina dan disewa, nombor rumah kedai, jenis bangunan, digunakan untuk apa dan sebagainya. Enakmen Dewan Bandaran tersebut telah membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat tentang anggaran tahun bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan mula dibina dan sebagainya.

Selain itu, bagi soalan keempat pula, R9 telah menyatakan bahawa bangunan-bangunan rumah kedai di Jalan Sultan tidak banyak mengalami perubahan dari anggaran tahun 1960 sehingga kini. Namun begitu, sesetengah penyewa atau pemilik rumah kedai telah melakukan sedikit pengubahsuaian terhadap kedai mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, penyewa atau pemilik rumah kedai perlu mengikut undang-undang atau peraturan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebelum melakukan apa-apa pengubahsuaian.

Sebagai contoh, sebuah rumah kedai lama di Jalan Sultan telah diubahsuaikan menjadi Kafe Moden. Hal ini kerana, pengasas kepada Kafe Moden tersebut tidak mahu melihat bangunan rumah kedai tersebut dibiarkan begitu sahaja dengan menjadi tempat orang gelandangan tidur dan berehat di rumah kedai tersebut. Bukan itu sahaja, terdapat banyak bangunan-bangunan serta kedai baru yang dibina di sekitar Jalan Sultan. Kini, suasana dan persekitaran di kawasan Jalan Sultan agak sibuk dengan orang awam yang sering mengunjungi ke Kafe Moden yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Manakala, menurut daripada R10, telah menyatakan bahawa terdapat sedikit perkembangan yang telah terjadi pada bangunan rumah kedai di Jalan

Sultan. Beliau menyatakan bahawa, sesetengah bangunan rumah kedai telah melakukan sedikit pengubahsuaian terhadap bangunan rumah kedai mereka. R10 tersebut juga telah menyatakan penyewa atau pemilik rumah kedai telah melakukan pengubahsuaian yang hanya dilakukan di bahagian dalaman rumah kedai berbanding melakukan pengubahsuaian pada fasad bangunan rumah kedai tersebut. Hal ini kerana, orang awam atau pemilik kepada rumah kedai tidak boleh melakukan sebarang pengubahsuaian di bahagian fasad kedai kerana ia telah termasuk di dalam Garis Panduan Reka Bentuk Warisan.

Garis Panduan Reka Bentuk Warisan ini telah disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang memgandungi garis panduan reka bentuk bandar yang terperinci bagi pemuliharaan bangunan warisan dan garis panduan bagi bangunan yang sedia ada serta pembangunan *infill* di zon warisan. Dokumen tersebut hendaklah meliputi, tetapi tidak terhad kepada kawasan kawalan *envelope*, unit hujung, pemuliharaan fasad, laluan kaki lima, dan papan tanda bangunan serta iklan. Reka bentuk bangunan unit tepi blok bangunan harus bersesuaian dan setara dengan kawasan rumah kedai tradisional. Reka bentuk *wrap round di chamfered* kedai menekankan elemen-elem fasad bangunan menjadi keutamaan. Ia mewujudkan kesinambungan pada fasad bangunan sepanjang rumah kedai dan juga laluan kaki lima di mana ia menghasilkan ruang yang lebih luas untuk laluan pejalan kaki.

Menurut daripada soalan kelima, R1 telah menyatakan bahawa kegiatan yang dilakukan oleh orang awam di kawasan berdekatan dengan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan adalah orang awam telah menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan berhampiran dengan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala

Lumpur tersebut. Bukan itu sahaja, ada yang membuka restoran, membuka kedai ubat-ubatan, menjual peralatan-perlatalan terpakai dan sebagainya. Kini, suasana di sekitar bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur semakin kian maju ekoran daripada ramai orang awam yang telah menjalankan kegiatan ekonomi di kawasan tersebut.



Rajah 4.1 Deretan Bangunan Rumah Kedai Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Sumber: Lapangan Kajian

(25 November 2021)

4.3.1 Sejarah Bandar Raya Kuala Lumpur

Berdasarkan daripada Portal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, menyatakan pembukaan Kuala Lumpur telah dialukan oleh Sultan Puasa atau dikenali dengan Sultan Naposo yang berasal dari Mandailing di Sumatera pada tahun 1857. Kemudian, pada tahun 1880 Kuala Lumpur dahulunya merupakan sebuah pusat perlombongan bijih timah yang dikembangkan oleh Yap Ah Loy. Seterusnya, Medan Pasar

memperkenalkan latar belakang menyeluruh sejarah Kuala Lumpur yang berkembang maju dengan penemuan bijih timah di kawasan sekitarnya dan bertambah dinamik setelah harga timah mula melonjak naik pada tahun 1879.

Pada tahun pegganti Reeds, R.P Davies telah menyediakan satu pelan bandar untuk Kuala Lumpur dengan mengenalpasti pelbagai zon untuk kegunaan tertentu. Pelan ini dikenali sebagai Pelan Perkawasan tahun 1931. Pelan tersebut telah dipinda dan telah diwartakan pada tahun 1939 untuk membantu mengawal pembangunan Bandar. Pelan pembangunan pertama untuk Kuala Lumpur ialah Pelan Bandar Am yang disediakan untuk mengawal pembangunan bagi kawasan seluas 11 batu persegi. Pelan bandar ini telah dipinda pada tahun 1950 berikutan perluasan sempadan pembandaran.

Pada tahun 1946, selepas Perang Dunia Kedua, Kuala Lumpur telah dijadikan ibu negeri bagi Malayan Union dan seterusnya sebagai ibu negeri Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 serta Majlis Perbandaran Kuala Lumpur yang ditubuhkan untuk mengambil alih tugas Sanitary Board. Seterusnya, pada tahun 1957 lebih ramai penduduk berhijrah dari kawasan desa ke bandar akibat daripada kepesatan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran, politik dan kebudayaan. Pada tahun 1971, Kuala Lumpur telah dikurniakan status bandaraya pada 1 Februari 1971. Pesuruhjaya Ibu Kota bergelar Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Ibu Kota pula dikenali sebagai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

4.3.2 Perkembangan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Hasil pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan fungsi bangunan rumah kedai pada masa dan dahulu dan pada masa kini. Pengkaji membandingkan fungsi rumah kedai bermula pada anggaran tahun 1960 dan sehingga kini. Pengkaji banyak mendapatkan maklumat daripada peniaga-peniaga kedai serta Kakitangan Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kemudian, pengkaji juga memerhati fungsi serta perkembangan sebuah tamadun yang ada di sekitar rumah kedai Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Perkembangan rumah kedai pada masa kini iaitu pada tahun 2022 sangat berbeza jika dibandingkan dengan sebelum ini.

Rumah kedai lama merupakan warisan daripada turun temurun atau dari generasi ke generasi yang menggambarkan bukti fizikal terhadap perkembangan tamadun sesebuah kawasan yang menunjukkan budaya, ekonomi, politik dan sebagainya. Pada masa dahulu, sepatimana yang diketahui rumah kedai ini dibina secara dua tingkat yang pastinya pada bahagian bawah dijadikan sebagai tempat untuk menjalankan perniagaan dan pada bahagian atas dijadikan sebagai tempat tinggal untuk pemilik rumah kedai hal ini bertujuan bagi mengelakkan rumah kedai diceroboh dan untuk menjimatkan masa bagi pemilik untuk membuka perniagaannya di awal pagi.

Namun sebaliknya, rumah kedai pada masa kini hanya dijadikan sebagai tempat untuk menjalankan perniagaan sahaja dan mereka ini tidak tinggal di rumah kedai. Hal ini dikatakan demikian kerana, waktu atau

masa operasi pembukaan kedai dibuka tanpa mengikut waktu yang ditetapkan dan terdapat segelintir peniaga yang menjalankan perniagaan mereka secara selang seli mengikut situasi semasa. Perkara ini sangat berbeza dengan proses perniagaan pada tahun 1960 yang dapat dibandingkan dengan proses perniagaan pada kini (2021).

Bukan itu sahaja, perkembangan yang berlaku pada rumah kedai di Jalan Sultan yang boleh dilihat adalah terdapat bangunan rumah kedai yang baru dibina dan digantikan dengan bangunan rumah kedai yang lama di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Hal ini kita boleh lihat, terdapat kedai *Supermart KK* yang bersebelahan dengan bangunan rumah kedai lama di Jalan Sultan Kuala Lumpur. Rajah 4.2 merupakan gambar Kedai *Supermart KK* yang dibina bersebelahan dengan bangunan rumah kedai lama di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.



Rajah 4.2: Kedai *Supermart KK* yang dibina bersebelahan dengan bangunan rumah kedai lama di Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Sumber: Kajian Lapangan

(2 November 2021)

Bukan itu sahaja, perkembangan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur juga boleh dilihat dengan wujudnya bangunan-bangunan yang melebihi daripada 2 tingkat seperti Hotel, Kompleks Selangor, Kedai Kosmetik serta Wisma Persatuan Emas yang dibina berdekatan dengan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Bangunan-bangunan baru tersebut telah dibina di tapak rumah kedai yang lama dan telah diubahsuai menjadi Hotel, Kompleks Selangor, kedai kosmetik serta Wisma Persatuan Emas di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Perkembangan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini juga boleh dilihat dari segi reka bentuk pada fasad bangunan rumah kedai itu sendiri. Antara enam gaya utama bangunan tradisional rumah kedai adalah Gaya Awal pada tahun 1790-1950 , Gaya Eklektik Cina Selatan pada tahun 1840-1910, Gaya Eklektik Selat Awal pada tahun 1890–1920, Gaya Eklektik Selat Akhir pada tahun 1910-1940, Gaya Seni Deco tahun 1930-1960 dan Gaya Moden awal pada tahun 1950 -1970. Sebagai contoh Gaya Eklektik Selat Awal pada tahun 1890-1920, gaya rumah kedai tersebut merupakan rumah kedai yang mempunyai dua atau kadang-kala tiga tingkat dengan laluan kaki lima. Rumah kedai pada tahun tersebut juga mempunyai ketinggian yang sama dengan seni bina rumah Kedai Gaya Eklektik Cina Selatan dengan percampuran seni bina dari China dan Eropah. Jubin bumbung pada rumah kedai tersebut menggunakan terracotta yang berbentuk U atau V pada papan kayu, dari rabung ke cucur atap. Dinding bata dan tiang-tiang penyokong pada fasad rumah kedai tersebut diselaputi dengan lepaan kapur. Tiang-tiang bersegi empat

dengan penghujungnya terdapat braket pada bahagian kepala tiang yang bercirikan seni bina dari China dan Eropah. Rajah 4.3 merupakan salah sebuah rumah kedai yang mempunyaui Gaya Eklektik Selat Awal pada tahun 1890-1920.



Rajah 4.3: Rumah Kedai Restoran Mingle Cafe dibina pada tahun 1910

(Sumber: Kajian Lapangan)

Tarikh: 25 November 2021

Gaya Eklektik Selat Akhir pada tahun 1910-1930 merupakan fasad yang sangat rumit. Unsur-unsur seperti Neo Klasik seperti daun *Acanthus*, *Doric*, dan *Corinthian Pilasters* banyak digunakan ke atas rumah kedai tersebut. Rumah kedai pada tahun berikut mempunyai dua atau kadang-kala tiga tingkat dengan laluan kaki lima dan kadang-kala mempunyai ruang taman. Rumah kedai Gaya Eklektik Selat Akhir ini menggunakan Jubin bumbung pada rumah kedai tersebut menggunakan

terracotta yang berbentuk U atau V pada atap bumbung. Rumah kedai pada tahun tersebut biasanya lebih rendah dan menggunakan gabungan seni bina dari China dan Eropah. Ia juga menggunakan lepaan kapur pada struktur dinding bata pada rumah kedai tersebut serta tiang-tiang penyokong, atau struktur konkrit bertetulang bagi menampung seni bina rumah kedai tersebut. Rajah 4.4 merupakan salah sebuah rumah kedai Gaya Eklektik Selat Akhir pada tahun 1910-1940.



Rajah 4.4: Rumah Kedai Restoran Nam Heong yang dibina pada tahun 1938

Sumber: Kajian Lapangan

Tarikh: 25 November 2021

4.4 Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dapat dilihat dalam beberapa aspek. Antaranya ialah dari segi aspek ekonomi, pelancongan, dan juga sosial. Dalam objektif ini pengkaji telah menemubual beberapa responden dalam mendapatkan data dan maklumat tentang Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Pengkaji telah temu bual responden yang terdiri daripada Pengusaha Restoran Kafe Moden, Moden di sekitar Jalan Sultan, Kuala Lumpur

4.4.1 Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Menyumbang kepada Ekonomi Kepada Masyarakat Setempat.

Sejak daripada bermulanya kemerdekaan iaitu pada tahun 1957 sehingga ke hari ini, telah berlaku pelbagai kemajuan iaitu bermula dari aspek ekonomi dan sosial. Manakala, sebelum perang dunia pertama lagi telah wujud bangunan rumah kedai di Tanah Melayu terutamanya di bandar dan pekan. Rumah kedai lama merupakan warisan daripada turun temurun atau dari satu generasi ke generasi yang menggambarkan bukti fizikal terhadap perkembangan tamadun sesebuah kawasan yang menunjukkan budaya, ekonomi politik dan sebagainya. Selepas bermulanya kemerdekaan pada tahun 1957, senibina rumah kedai semakin berkembang dan meluas sekitar tahun 1960 yang telah menyebabkan ekonomi di bandar-bandar dan pekan semakin berkembang maju di samping masyarakat turut mendapat manfaat daripada perniagaan yang dilakukan oleh pemilik rumah kedai bagi memenuhi keperluan semasa

masyarakat. Pengkaji telah temubual beberapa orang pemilik rumah kedai di sekitar Jalan Sultan, Kuala Lumpur yang telah memberi jawapan yang berbeza mengenai hal tersebut.

Hasil daripada pemerhatian pengkaji, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan fungsi bangunan rumah kedai pada masa dahulu dan pada masa kini. Pengkaji mendapati bahawa sebelum ini, segelintir rumah kedai di sekitar Jalan Sultan, Kuala Lumpur dibiarkan usang sehingga rumah kedai tersebut telah menjadi tempat tidur kepada orang gelandangan untuk beristerehat. Namun kini, terdapat beberapa buah rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur telah diubahsuai menjadi Restoran Kafe Moden serta kelihatan cantik dan menarik untuk menarik minat orang awam untuk mengunjungi ke Jalan Sultan tersebut. Oleh itu, kesan daripada pemeliharaan rumah kedai dengan melakukan pengubahsuaian rumah kedai lama kepada sebuah restoran kafe moden ini dapat menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Hal ini juga telah dinyatakan dalam laman sesawang yang bertajuk *5 reasons to support local coffee shops* yang telah menyatakan bahawa, pengunjung atau orang awam yang datang membeli serta mengunjungi ke restoran kafe tersebut secara tidak langsung dapat menjamin pendapatan mereka, dan seterusnya pada masa depan dapat membantu mereka menstabilkan pertumbuhan ekonomi mereka dalam industri perniagaan.

Hal ini juga bertetapan dengan hasil temubual pengkaji bersama R5 dan R6 yang merupakan seorang pengusaha restoran Kafe moden di

Jalan Sultan, Kuala Lumpur yang telah menyatakan bahawa:

“..... Pembukaan restoran ini sudah semestinya dapat menyumbang kepada ekonomi dan juga pendapatan saya.....”

(R5- Responden 5)

“.....Sudah tentu ia adalah tempat yang baik untuk menjadikan restoran atau kafe kerana kebanyakan orang suka makan makanan di persekitaran yang baik dan di bangunan warisan.....”

(R6- Responden 6)

Namun begitu, ekoran daripada Pandemik Covid-19 yang telah melanda negara Malaysia pada Disember 2019 juga telah menjelaskan pendapatan kepada peniaga-peniaga kecil di sekitar rumah kedai jalan Sultan, Kuala Lumpur. Hal ini kerana, ekoran daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diumumkan oleh Bekas Perdana Menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Bin Haji Muhammad Yassin. Berikut merupakan petikan daripada R1:

“.....Ayooooo itu masa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) kedai ini kena tutup maaa....Semua kedai-kedai kat sini tutup.....Sekarang ini baru boleh buka baru boleh berniaga macam biasa. Saya punya pendapatan pun terjejas sebab itu PKP. Tapi lepas PKP ni dah okay lah ramai yang datang sini beli itu saya punya pelitup muka.....”

(R1- Responden 1)

Rumusnya, pemeliharaan rumah kedai dapat mengembangkan kepada ekonomi masyarakat setempat dipersetujui oleh semua responden yang telah di temubual. Hal ini kerana, dengan mengubahsuaikan serta mengekalkan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini dapat menyumbang kepada pendapatan harian pemilik serta peniaga jalanan di sekitar Jalan Sultan, Kuala Lumpur.



Rajah 4.5: Restoran Kafe Mingle di Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Sumber: Kajian Lapangan

Tarikh: 25 November 2021

4.4.2 Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Menyumbang

Kepada Sektor Pelancongan di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Hasil daripada pemerhatian pengkaji, menunjukkan bahawa reka bentuk pada bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur mempunyai seni bina reka bentuk yang menarik. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik pelancong asing atau orang awam di negara Malaysia untuk mengunjungi ke bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Perkara ini juga telah dinyatakan di dalam sebuah Artikel yang bertajuk *Demystifying Vernacular Shop House and contemporary Shophouse in Malaysia; A Green-Shop Framework* yang telah menyatakan bahawa gaya rumah kedai di negara Malaysia mempunyai ciri hibrid yang menggabungkan kosa kata seni bina dari Barat, Cina dan Melayu. Walau bagaimanapun, penyesuaian kepada reka bentuk Barat hanya popular selepas pendedahan tempatan kepada budaya akhir abad ke-19.

Menurut daripada seorang responden iaitu R9 yang merupakan salah seorang penyewa rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur telah menyatakan bahawa:

“.....Rumah kedai lama dekat sini sudah ada lama. Kebanyakan rumah kedai dekat sini sudah ada sebelum zaman kemerdekaan lagi. Rekabentuk fasad di setiap lot rumah kedai dekat sini semua cantik-cantik. Contohnya,

rumah kedai yang dah ubahsuai jadi restoran di Jalan Sultan, Kuala Lumpur itu ”

(R9- Responden 9)



Rajah 4.6: Fasad rumah kedai Restoran Kafe Vintage 1988

Sumber: Kajian Lapangan

Tarikh: 25 November 2021

Seterusnya, dari segi susunatur dalaman rumah kedai juga dapat menarik minat pelancong asing dan juga pengunjung untuk mengunjungi ke rumah kedai tersebut. Pada mulanya, pembinaan rumah kedai lama di semenanjung Malaysia menggunakan kayu dan beratapkan daun nipah. Namun begitu, setelah berlakunya kebakaran besar di Kuala Lumpur pada tahun 1881, Residen Selangor iaitu Sir Frank Swettenham telah

memperkenalkan undang-undang menggantikan rumah kayu dengan struktur yang diperbuat daripada batu (Wan Hashimah, 2005).

Perkara ini juga telah dinyatakan oleh R6 yang telah melakukan pengubahsuaian terhadap rumah kedai beliau. Berikut merupakan petikan temubual R6:

“.....Semasa kerja-kerja pengubahsuaian, kami cuba untuk tidak merobohkan bangunan dan reka bentuk warisan. Malah batu-bata pada dinding juga tidak disentuh dan kekal sebagai reka bentuk pada zaman dahulu.....”

(R6- Responden 6)

Bukan itu sahaja, keunikan warisan seni bina dalaman rumah kedai juga menjadi salah satu faktor pelancong datang mengunjung ke sesuatu tempat. Hal ini telah dinyatakan dalam Artikel yang bertajuk *Aset Pelancongan Luar Bandar daripada Lensa Komuniti Lembah Beriah*, Mohamed Anwar Omar Din dan Zulayti Zakaria (2011) merujuk produk pelancongan budaya di Malaysia sebagai merangkumi kehidupan masyarakat majmuk itu sendiri, kehidupan di pasar (street culture), Chinatowns, Little India, kehidupan desa di sawah padi dan nelayan, gerai makanan tempatan, majlis perkahwinan dan hari perayaan. Kesemua ini dapat menarik pelancong untuk datang ke Malaysia kerana pelancongan budaya mempunyai tarikan tersendiri yang unik dan istimewa.

Hal ini juga telah dinyatakan dalam temubual bersama R6. Berikut merupakan Berikut merupakan petikan temubual R6:

“..... tempat yang kami pilih sangat strategik. Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, warisan sentiasa menjadi tarikan kepada kebanyakan penaung atau pengunjung. Tidak banyak yang kami belanjakan untuk pengubahsuaian kerana kami kekal seperti adanya. Kita hanya perlu menyelitkan lebih banyak elemen warisan ke dalam reka bentuk bangunan supaya apabila pengunjung atau pembeli makan di kafe tersebut, mereka akan berasa nostalgia....”

(R6- Responden 6)

Hal ini juga telah dinyatakan oleh R12 yang merupakan pengunjung yang sering mengunjungi restoran kafe di Jalan Sultan. Berikut merupakan petikan temubual R12:

“.....salah satu faktor yang membuatkan saya sering datang ke restoran ini bukan sahaja disebabkan oleh makanan di kedai ini sedap dan menarik. Namun, konsep kedai ini yang masih mengekalkan seni bina lama juga membuatkan saya sering datang ke kedai ini. Hal ini kerana, saya suka akan makan di kedai makan yang bekonseptkan warisan dan estetik ini.....”

(R12- Responden 12)

Secara rumusnya, kesemua responden bersetuju bahawa keunikan reka bentuk fasad atau ruang atur dalaman yang menarik yang ada pada rumah kedai merupakan salah satu faktor yang membuatkan pengunjung

atau pelancong mengunjungi ke rumah kedai jalan Sultan, Kuala Lumpur.



Rajah 4.7: Susunatur dalaman Restoran Mingle Cafe, Kuala Lumpur

Sumber: Kajian Lapangan

Tarikh: 6 November 2021

4.4.3 Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Mampu Dijadikan Sebagai Bahan Sejarah.

Hasil daripada pemerhatian pengkaji, menunjukkan bahawa bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini merupakan bangunan yang dibina sebelum kemerdekaan. Hal ini telah dinyatakan dalam artikel yang bertajuk *Rumah Kedai Membentuk Semula Warisan*

Binaan Penajah dalam Landskap Kontemporari yang telah menyatakan bahawa, selepas daripada peristiwa kebakaran yang terjadi pada bandar Kuala Lumpur pada tahun 1881, Pentadbiran British telah dinasihatkan untuk membina semula bandar Kuala Lumpur secara kekal bentuk dengan mengubah struktur kayu kepada bangunan yang dibina dengan menggunakan batu-bata dan jubin.

Bukan itu sahaja, bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini juga mempunyai pengaruh seni bina kolonial dan pengaruh daripada pendatang China. Hal ini boleh dilihat, kebanyakan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini dibina antara sekitar tahun 1910 sehingga tahun 1940. Sebagai contoh sebuah rumah kedai lama di Jalan Sultan, Kuala Lumpur adalah Leong Yik Hing Realty Sdn Bhd yang telah dibina pada tahun 1958. Berikut merupakan petikan daripada pemilik rumah kedai tersebut:

“.....kedai ini sudah lama ada ooo. Saya tak berapa ingat tahun bila rumah kedai ini dibina tapi anggaran tahun rumah kedai ini dibina seawal tahun 1957 atau 1958. Rumah kedai ini mempunyai dua owner (pemilik). Saya merupakan pemilik yang kedua....”

Perkara ini juga telah dikatakan oleh R3 yang merupakan Kakitangan Pegawai DBKL dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Berikut merupakan petikan temubual daripada R3:

“..... Kalau kita dapat lihat bangunan rumah kedai dekat Jalan Sultan situ kebanyakannya merupakan bangunan Pre-War (Sebelum Kemerdekaan). Kita boleh lihat dekat dokumen Enakmen Dewan Bandaran Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta ni kebanyakannya rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dibina sebelum kemerdekaan lagi.

(R3- Responden 3)

Namun begitu, temubual daripada peniaga jalanan di sekitar Jalan Sultan, Kuala Lumpur pula menyatakan bahawa rumah kedai di sekitar Jalan Sultan tersebut sudah ada seawal tahun pembinaan bangunan Hotel Malaya iaitu bangunan yang sudah lama dibina berhampiran dengan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Berikut merupakan petikan temubual pengkaji bersama R9:

“.... I think (Saya rasa) tahun 1960 pun sudah ada bangunan rumah kedai dekat sini. Ini lagi lama (Tunjuk Hotel Malaya) sudah ada di sini. Hotel ini sudah ada sebelum merdeka lagi... ”


(R9- Responden 9)

Dalam artikel yang bertajuk *Heritage Buildings Conservation Issues of Shophouses in Kuala Lumpur Chinatown* telah menyatakan bahawa rumah kedai dua tingkat yang ada di Chinatown dibina sekitar tahun 1890-1940 dan mereka dikategorikan sebagai rumah kedai sebelum perang. Fasad rumah kedai sebelum perang di kawasan Chinatown menyaksikan perkembangan bandaraya Kuala Lumpur dan melambangkan budaya tempatan dan warisan bandar.

Secara rumusnya, semua responden yang ditemubual menyatakan bahawa rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini merupakan salah sebuah bangunan bersejarah kerana tahun pembinaanya adalah sebelum zaman kemerdekaan di negara Malaysia.

4.5: Cadangan Yang Perlu Dilakukan Oleh Pihak Bertanggungjawab dalam Memelihara Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Menurut A Ghafar Ahmad (2005), konsep pemuliharaan warisan pada asasnya adalah proses mengembalikan kepentingan sejarah dan mengekalkan bangunan dan monument warisan seperti yang asal. Piagam Burra (1981), menjelaskan pemuliharaan adalah untuk mengekalkan atau memulihkan kepentingan budaya yang terdapat pada tempat, termasuk penjagaan sementara ke atas keselamatan, penyenggaraan bangunan dan masa hadapan warisan sejarah. Menyedari tentang hal ini, pengkaji cuba mengupaskan mengenai kepentingan bangunan warisan sejarah termasuklah dalam kajian Potensi Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai ini kepada masyarakat dan negara. Pelbagai inisiatif dan langkah yang sewajarnya boleh diambil daripada semua pihak dalam mengatasi daripada kemusnahan dan perobohan.



Rajah 4.8: Cadangan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan.

4.5.1 Penglibatan atau Kerjasama antara Orang Awam

Mengikut Paul Box (1991), galakkan penyertaan atau penglibatan oleh orang awam atau masyarakat dalam pemeliharaan sesuatu sumber atau aset warisan ini sudah pasti menampakkan akan keuntungan pada masa akan datang. Sekiranya pemilik serta penyewa rumah kedai di Jalan Sultan mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap pemeliharaan untuk menjaga rumah kedai mereka, ini sangat membantu kepada Pihak Berkuasa Tempat dalam merangka pelan-pelan perlindungan pemeliharaan bangunan lama warisan yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Berdasarkan daripada temubual pengkaji bersama R7 yang merupakan seorang Kurator dalam bahagian Konservasi di Jabatan Warisan Negara. Berikut merupakan petikan temubual pengkaji bersama R7:

“.....langkah pertama kita kena start (mula) daripada owner (pemilik) tu sendiri lah. Maksudnya, pemilik kena ada awareness (kesedaran) terhadap

penjagaan rumah kedai dia kalau dia boleh jaga macam mana kita boleh jaga rumah kita. Sebab ini lebih kepada orang awam dan owner (pemilik). Jadi, kalau dia mematuhi UBBL (Uniform Building By Law) maksudnya akta bangunan tu, PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) dan juga mana-mana akta yang terkait untuk rumah kedai. Rumah kedai unit ini akan lebih will maintain (akan mengekalkan) sebenarnya dia tak akan terbiar kecuali rumah kedai yang ditinggalkan owner (pemilik) macam tu saja..... ”

(R7- Responden 7)

Petikan di atas merupakan perkata yang telah dinyatakan oleh seorang Kurator dalam bahagian Konservasi di Jabatan Warisan Negara tersebut, beliau telah menyatakan bahawa langkah pertama bagi pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur adalah daripada pemilik rumah kedai itu sendiri. Pemilik rumah kedai perlulah mempunyai kesedaran terhadap penjagaan rumah kedai ntuk mengekalkan rumah kedai mereka.

4.5.2 Kerjasama antara Kerajaan dan NGO

Seterusnya, kerjasama yang erat antara agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan iaitu pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan NGO harus berganding bahu dalam mengatasi isu berkaitan pemeliharaan dan perlindungan terhadap bangunan lama rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Pendedahan dalam perundangan dan dasar haruslah diterapkan dalam bidang pendidikan agar ianya dapat memberi pengatuan kepada masyarakat atau orang awam. Peruntukkan undang-undang seperti sedia maklum, terdapat pelbagai peruntukkan undang-undang yang memadai di dalam aspek perancangan, penguatkuasaan dan

pelaksanaan projek pemeliharaan dan alam sekitar dan sebagainya. Oleh itu pihak kerajaan dan NGO haruslah memainkan peranan dalam memastikan bangunan lama rumah kedai di Kuala Lumpur dikekalkan sepenuhnya.

Berikut merupakan petikan temubual daripada R7 yang telah menyatakan bahawa PBT akan mengeluarkan saman kepada pemilik kedai yang tidak menjaga rumah kedai mereka:

“.....kawalan pengekalan bangunan rumah kedai dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pihak berkuasa tempatan akan mengeluarkan saman atau kompund kepada pemilik kedai yang tidak menjaga atau membiarkan rumah kedai merka usang begitu saja.....”

(R7- Responden 7)

Perkara ini juga telah dinyatakan oleh R4 yang merupakan Penolong Pengarah Arkitek Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Berikut merupakan petikan daripada temubual R4

“.....terdapat beberapa inisiatif yang dilakukan oleh pihak DBKL bagi mengekalkan bangunan rumah kedai lama yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Antara inisiatif yang dilakukan adalah dengan mengawal mengikut panduan yang tertakluk dalam Undang-undang DBKL. Pihak DBKL juga akan mengeluarkan notis kepada pemilik sebagai tanda amaran kerana tidak menjaga rumah kedai mereka dengan sebaiknya.....”

(R4- Responden 4)

Hasil daripada temubual berikut telah menyatakan bahawa jika pemilik atau penyewa rumah kedai di Jalan Sultan tidak mengambil peduli atau membiarkan rumah kedai mereka usang begitu sahaja. Pihak Berkuasa Tempatan iaitu DBKL akan mengeluarkan denda atau kompaun kepada pemilik rumah kedai tersebut.

4.5.3 Pelan Perancangan

Dari segi pelan perancangan pemeliharaan bangunan lama rumah kedai memerlukan perancangan yang jitu bagi memastikan bangunan lama rumah kedai yang terletak di Jalan Sultan yang dikenali dari segi nilai warisan dan sejarahnya boleh dikategorikan sebagai zon pemeliharaan di mana ia dapat melindungi dan memelihara bangunan tersebut daripada ancaman kepupusan dan pembangunan. Proses pewartaan dan menggazetkan rumah berkenaan juga perlu ditumpukan jika rumah kedai tersebut dimiliki oleh pihak persendirian.

Melalui temubual pengkaji daripada R11 iaitu Puan Nur Azliana Haslim yang merupakan Pegawai Perancang Bandar dari Seksyen Pelan Tempatan, Jabatan Perancangan Bandaraya DBKL telah menyatakan bahawa, salah satu cara Jabatan Perancangan Bandaraya memelihara bangunan warisan adalah dengan mengezonkan zon warisan. Dalam zon warisan telah terbahagi kepada tiga iaitu zon warisan, bangunan warisan dan juga tapak warisan. Zon warisan merangkumi daripada sebahagian daripada bangunan ataupun kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti oleh Jabatan Warisan Negara.

Menurut beliau juga, Lapisan Kawalan Perancangan terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori satu adalah zon warisan, yang kedua adalah bangunan

warisan dan yang ketiga adalah tapak warisan. Zon warisan merujuk kepada kawasan yang ditetapkan dengan pelbagai peringkat kepentingan warisan yang memerlukan tahap pengawalan atau pemuliharaan yang berbeza kepada karakter keseluruhan kawasan, bangunan warisan dan pembangunan baru di kawasan tersebut. Bangunan warisan pula merujuk kepada bangunan yang dikenalpasti mempunyai kepentingan warisan yang akan dipelihara sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya yang bergantung kepada tahap kepentingannya. Akhir sekali adalah tapak warisan yang merujuk kepada tapak itu sendiri sama ada dengan atau tanpa bangunan untuk dipelihara kerana kepentingannya.




Rajah 4.9: Lapisan Kawalan Perancangan

Menurut beliau, kawasan rumah kedai di Jalan Sultan termasuk sebagai zon warisan sekunder. Zon warisan dalam lapisan kawalan perancangan pula terbahagi kepada tiga iaitu Zon Warisan Primer, Zon Warisan Sekunder dan Zon Karakter Khas. Zon Warisan Primer tertakluk kepada kelompok bangunan yang diwartakan di bawah Akta Benda Purba 1976 atau Akta Warisan Kebangsaan 2005. Zon Warisan Sekunder pula merujuk kepada kelompok-kelompok bangunan lama dengan merit bersejarah yang ketara. Bangunan bersejarah atau kelompok bangunan yang terletak di bawah Zon Warisan Sekunder merupakan

bangunan yang belum digazetkan oleh Jabatan Warisan Negara. Zon Karakter Khas pula merujuk kepada kawasan rumah kedai yang baru dibangunkan yang mempunyai bangunan berkepentingan sejarah dan seni bina.

Zon warisan sekunder merupakan kawasan-kawasan yang berjauhan antara satu sama dengan lain yang mengandungi gabungan bangunan baru dan lama dengan sesetengah bangunan baru dan lama dengan sesetengah bangunan yang mempunyai kepentingan dari segi nilai sejarah dan seni bina. Zon ini merangkumi kebanyakan bangunan rumah kedai lama dan bersejarah di kawasan Jalan Petaling dan Jalan Sultan ke kawasan Bukit Nanas.



Rajah 4.10: Temubual bersama Puan Norazlina Haslim Pegawai Perancang Bandar dari seksyen Pelan Tempatan, Jabatan Perancangan Bandaraya DBKL.

Sumber: Google Meet

Tarikh: (29 Disember 2021)

4.5.4 Peranan Media Massa

Media massa dan media sosial memainkan peranan yang penting sebagai medium perantaraan dalam menyampaikan serta memberikan kesedaran kepada masyarakat atau orang awam. Media massa dan media sosial dianggap mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar terhadap individu institusi, dan masyarakat dalam menyampaikan maklumat atau info berkenaan dengan pemuliharaan bangunan lama rumah kedai. Dalam usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur sebagai salah satu khazanah warisan, sesuatu inisiatif perlu dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa aspek seperti nilai sejarah, fungsi, seni bina, usia serta sokongan daripada pelbagai pihak yang berkaitan.

Misalnya, peranan media massa melalui Akhbar *The Star* (S PUSPADEVI, 2011) yang bertajuk *NGO concerned over acquistion of pre-war shophouse to make way for MRT* yang bermaksud NGO bimbang dengan pengambilalihan rumah kedai sebelum kemerdekaan untuk memberi laluan kepada MRT. Dalam akhbar tersebut telah menyatakan bahawa, BADAN WARISAN MALAYSIA iaitu merupakan salah satu badan NGO di Malaysia menyatakan kebimbangan terhadap pengambilalihan 34 rumah kedai sebelum perang di Jalan Sultan, Kuala Lumpur bagi memberi laluan kepada pembangunan Projek Transit Pantas (MRT) Sungai Buloh-Kajang My. Pengarah eksekutifnya, Elizabeth Cardosa, berkata rumah kedai di Chinatown Kuala Lumpur membentuk sebahagian daripada perbandaran asal bandar raya itu yang bermula sejak tahun 1850-an. Cardosa berkata rancangan kerajaan untuk mengambil alih tanah di kawasan itu bukan sahaja akan menyebabkan negara kehilangan bangunan

warisan tetapi legasi di sebaliknya. Cardosa juga berkata Badan Warisan percaya bahawa keputusan mengenai pembangunan baharu, terutamanya dalam kawasan bersejarah, perlu mengambil konteks budaya, sosial dan fizikal tapak tersebut. “Mengalih atau memusnahkan mana-mana bahagian ini akan merosakkan kepentingan budaya tempat itu. Berikut tentang isu ini dibicarakan di dalam Akhbar *The Star* yang bertarikh 15 Ogos 2011.

4.6 Penutup

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, telah mendapati bahawa bangunan rumah kedai lama yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur merupakan bangunan yang telah wujud sejak zaman sebelum kemerdekaan lagi. Rumah kedai lama adalah sebagai salah satu lambang, corak atau juga budaya bagi sesebuah masyarakat yang tinggal di sekitarnya. Rumah Kedai dibina secara sekaligus dapat menjadi aset yang penting sebagai nadi tarikan pelancong untuk mereka mengunjungi tempat yang menarik tersebut. Rumah kedai lama juga mempunyai sifat budayanya yang tersendiri termasuklah dari segi keunikan senibina bangunan. Oleh itu, bagi pengkaji, bangunan rumah kedai lama ini haruslah dikekalkan dan dipertahankan kerana ia memiliki nilai seni bina yang amat bernilai untuk generasi akan datang. Dalam hal ini juga, untuk memartabatkan nilai warisan tapak serta bangunan rumah kedai tersebut yang masih wujud di bandar Kuala Lumpur, perkara ini juga bertujuan untuk menjadikan ia sebagai satu bentuk aset yang terus dipelihara untuk tatapan generasi akan datang.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab 5 merupakan bab terakhir dalam projek penyelidikan mengenai Potensi Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai yang menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Terdapat tiga topik yang akan diuraikan dalam bab ini iaitu mengenai perbincangan, cadangan dan kesimpulan. Selaras dengan objektif kajian, pengkaji akan membincangkan mengenai dapatan kajian yang akan disertakan dengan beberapa cadangan. Pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan dan saranan yang relevan bagi memudahkan penyelidik pada masa akan datang merangka perancangan untuk melakukan kajian berkenaan dengan bangunan Rumah Kedai lama di Jalan Sultan. Sememangnya projek penyelidikan ini mampu sedikit sebanyak membantu mereka dalam mencapai maklumat yang diingini kelak. Setelah kesemua perbincangan dan cadangan untuk dapatan kajian dilakukan, pengkaji akan menyimpulkan data mengenai dapatan kajian di bahagian kesimpulan sekali gus melengkapkan Projek Penyelidikan menengai Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai Lama di Jalan Sultan yang bukan sahaja bermanfaat kepada warisan

negara malah ia juga menjadi identiti serta dapat dijadikan sebagai panduan kepada generasi akan datang.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji iaitu Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai dalam menyumbang kepada Ekonomi Masyarakat Setempat di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisisan data ketiga-ketiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

5.2.1 Sejarah dan Perkembangan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Setelah kajian dijalankan bagi mencapai objektif dan persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat merangkumi secara lebih terperinci terhadap bangunan rumah kedai lama di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Jabatan Warisan Negara telah mengiktiraf kepentingan warisan Rumah Kedai yang telah wujud seawal tahun 1900 lagi.

Sejarah jalan Sultan bermula pada zaman penjajahan di mana kebanyakan bangunan adalah campuran daripada gaya barat serta Melayu. Kebanyakan responden telah mengatakan bahawa sejarah rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur telah ada seawal tahun bangunan rumah kedai lama di Jalan Sultan telah ada seawal zaman sebelum kemerdekaan lagi iaitu pada tahun 1800. Rumah kedai yang dibina merupakan bangunan perniagaan yang banyak diduduki oleh masyarakat Cina pada masa dahulu dan masih berkekalan sehingga ke hari ini.

Antara kegiatan yang dilakukan oleh orang awam di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini adalah dengan menjalani perniagaan komersial, perniagaan pembukaan restoran atau kafe, perniagaan ubat-ubatan, kedai serbaneka dan sebagainya. Perkembangan yang boleh dilihat di rumah kedai Jalan Sultan, Kuala Lumpur adalah dari aspek fungsi, reka bentuk bangunan serta seni bina bangunan rumah kedai tersebut.

Perkembangan yang boleh dilihat pada rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur adalah dari segi fungsi rumah kedai, reka bentuk atau seni bina bangunan rumah kedai itu sendiri. Pada masa dahulu, sepetimana yang diketahui rumah kedai ini dibina secara dua tingkat yang pastinya pada bahagian bawah dijadikan sebagai tempat untuk menjalankan perniagaan dan pada bahagian atas dijadikan sebagai tempat tinggal untuk pemilik rumah kedai. rumah kedai pada masa kini hanya dijadikan sebagai tempat untuk menjalankan perniagaan sahaja dan mereka ini tidak tinggal di rumah kedai.

Perkembangan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur juga boleh dilihat dengan wujudnya bangunan-bangunan yang melebihi daripada 2 tingkat. Perkembangan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini juga boleh dilihat dari segi reka bentuk pada fasad bangunan rumah kedai itu sendiri. Kebanyakan fasad rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini terdiri daripada Gaya Eklektik Selat Awal pada tahun 1890–1920, Gaya Eklektik Selat Akhir pada tahun 1910–1940.

5.2.2 Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Melalui pemerhatian dan temubual pengkaji bersama responden, pengkaji mendapati bahawa pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur mampu menyumbang kepada beberapa aspek. Antaranya ialah, kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dapat menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat, yang kedua adalah kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai mampu menyumbang kepada sektor pelancongan di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dan yang terakhir kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai mampu dijadikan sebagai bahan sejarah.

Hasil daripada temubual responden tentang potensi pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dapat menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat adalah pengkaji telah temubual 3 responden yang terdiri daripada pengasas restoran dan pemilik rumah kedai. Mereka berpendapat bahawa dengan melakukan pemeliharaan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur ini mampu mengembangkan kepada ekonomi serta pendapatan harian mereka.

Kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur mampu menyumbang kepada sektor pelancongan di Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Hasil daripada pemerhatian temubual pengkaji bersama beberapa responden, pengkaji telah mendapati bahawa keunikan seni bina atau reka bentuk rumah kedai serta kreativiti susun atur dalaman rumah kedai itu mampu menarik ramai pengunjung atau pelancong untuk mengunjungi ke rumah kedai Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Akhir sekali, kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur mampu dijadikan sebagai bahan sejarah. Hasil daripada pemerhatian dan temubual pengkaji bersama beberapa responden yang terdiri daripada pemilik kedai dan peniaga jalanan di sekitar Jalan Sultan, Kuala Lumpur. Pengkaji telah mendapati bahawa bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini merupakan bangunan yang dibina sebelum kemerdekaan. Anggaran tahun bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dibina adalah antara tahun 1920 sehingga 1940. Secara rumusnya, semua responden yang ditemubual menyatakan bahawa rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini merupakan salah sebuah bangunan bersejarah kerana tahun pembinaanya adalah sebelum zaman kemerdekaan di negara Malaysia.

5.2.3 Cadangan yang perlu dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur

Sebagaimana yang telah dikaji, negara Malaysia merupakan sebuah negara yang bukan sahaja kaya dengan bangunan, monumen serta tapak warisan yang bernilai tinggi bahkan kaya dengan budaya serta adat resam masyarakat yang berbilang kaum. Setiap warisan ketara mahupun tidak ketara haruslah terus dipulihara dan dipelihara dan tanggungjawab ini haruslah dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat. Berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai ini, sewajarnya usaha-usaha pemeliharaan dilakukan bagi menghasilkan catatan dan dokumentasi data serta maklumat berkaitan dengan bangunan warisan lama secara sistematik.

Oleh itu, pengkaji telah menggariskan beberapa kaedah pemeliharaan yang dikenalpasti sangat relevan dengan bangunan rumah kedai lama di jalan Sultan, Kuala Lumpur pada masa sekarang. Resolusi atau cadangan ini melibatkan setiap pihak termasuk dengan orang awam, pemilik atau penyewa rumah kedai, pihak badan kerajaan mahupun bukan kerajaan (NGO) dan media massa. Kesemua pihak perlulah memainkan peranan yang penting dalam memastikan rumah kedai lama di jalan Sultan, Kuala Lumpur terus dipelihara dan dikelaskan. Bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini telah dikategorikan di bawah Zon Warisan Lapisan Kawalan Perancangan yang dilakukan oleh Pihak Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Hal ini kerana, bangunan rumah kedai mempunyai kepentingan warisan yang memerlukan tahap pengawalan atau pemuliharaan yang berbeza kepada karakter keseluruhan kawasan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.3 Rumusan

Hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian digunakan oleh pengkaji dalam kajian Kesan Pemeliharaan Bangunan Rumah Kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dalam Menyumbang Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat adalah sangat berhasil dan berkesan. Melalui temubual informan atau responden, kaedah ini sememangnya membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat pada analisis objektif pertama, kedua dan ketiga. Orang awam iaitu peniaga di sekitar rumah kedai di Jalan Sultan telah memainkan peranan yang baik untuk memastikan pengkaji mendapatkan maklumat dan info yang betul. Manakala dari segi pemerhatian pula, dapatan kajian yang diperolehi sangat membantu dalam mengenalpasti struktur seni bina bangunan rumah kedai sama ada bangunan rumah kedai tersebut telah dipulihara atau dibiarkan usang begitu sahaja. Hal ini dibantu oleh kaedah rakaman foto dan catatan nota di kajian lapangan.

Dalam pada itu, dapat dirumuskan dalam analisis yang dilakukan di dalam Bab 4 mengenai tiga objektif utama memperlihatkan secara keseluruhan kebanyakan daripada bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur masih tidak melakukan sebarang aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap bangunan rumah kedai tersebut. Malahan maklumat mengenai rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur juga terbatas setelah pengkaji meneliti kaedah data sekunder melalui internet, jurnal, dan lain-lain lagi. Namun begitu, terdapat kajian-kajian lepas yang dirujuk oleh pengkaji dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang ingin diperolehi dalam menyiapkan kajian ini. Justeru itu, terdapat beberapa langkah pemeliharaan yang telah diajukan oleh

pengkaji supaya bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur terus dijaga dan dipelihara dengan sebaiknya untuk dijadikan sebagai tatapan kepada generasi muda pada masa akan datang.

5.4 Cadangan

Kajian yang dijalankan ini telah memberi gambaran bahawa pemeliharaan bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan sebagai salah satu bangunan bersejarah amat penting kepada negara khususnya di kawasan bandar raya Kuala Lumpur itu sendiri. Segala keunikan dan keistimewaan seni bina pada fasad bangunan berkenaan harus dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar bangunan lama rumah kedai ini terus terjaga dan dipelihara. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan dengan bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan untuk penyelidik di masa hadapan. Antaranya ialah:

I. Meningkatkan Pemahaman Yang Lebih Menyeluruh Terhadap Garis Panduan Pemeliharaan Bangunan.

Setiap ketetapan yang terdapat pada garis panduan yang telah disediakan perlu dipraktikkan sebelum kaedah pembinaan dijalankan pada setiap bangunan rumah kedai. Gabungan garis panduan yang pernah diguna pakai dari luar negara telah dirumuskan dalam satu rumusan cadangan tentang garis panduan yang telah digunakan oleh pengkaji tempatan dalam kajian yang telah dibuat (Zalina. S, 2006).

Pemahaman terhadap garis panduan yang telah ditetapkan harus diketahui dengan menyeluruh kerana matlamat penyenaraian garis

panduan untuk membuat keputusan ini amat penting sebagai semakan sebelum keputusan dibuat. Hal ini kerana, keputusan yang tepat mampu mengangkat warisan rumah kedai menjadi pemangkin pada kemakmuran kawasan dalam Bandar Raya Kuala Lumpur dan seterusnya memartabatkan bandar Raya Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar warisan.

II. Mewartakan bangunan rumah kedai lama sebagai salah satu bangunan warisan.

Kawasan bandar raya Kuala Lumpur terutamanya di jalan Sultan, Kuala Lumpur mempunyai kepentingan sejarah, seni, budaya dan nilai estetika terutama sekali nilai yang terdapat pada rumah kedai warisan ini yang telah menjadi pusat rujukan kepada bangunan lain. Hal ini kerana, butiran fasadnya dapat menyerahkan nilai sosial, nilai ekonomi, nilai politik dan nilai persekitaran pada zaman bangunan itu dibina. Sebagai contoh, bandar yang telah diwartakan sebagai bandar bersejarah seperti Bandar Hilir Melaka, telah membutikan bahawa rumah kedai warisan mampu melalui cabaran masa dan kekal berkualiti serta memiliki tahap adaptasi yang tinggi bagi kegunaan semasa.

Keunikan yang terdapat pada fasad bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur telah membuktikan bahawa kawasan ini perlu digazetkan untuk memastikan pemeliharaan bangunan yang berterusan. Berdasarkan definisi dan kepentingan yang disenaraikan maka potensinya untuk dipelihara dan diadaptasi kegunaannya telah memenuhi keperluan semasa sebagai kedai, restoran, galeri, kedai bunga atau apa-apa

jenis rumah kedai perniagaan bertema adalah amat relevan. Bukan itu sahaja, bangunan lama rumah kedai ini juga terdapat peristiwa sejarahnya yang tersendiri. Oleh itu, dengan identiti rumah kedai tempatan serta mempunyai kepentingan sejarahnya yang tersendiri mampu mengangkatkan bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini untuk digazetkan sebagai salah satu bangunan warisan di Malaysia.

III. Membuat kajian yang menyeluruh terhadap rumah kedai lama yang ada di negara Malaysia.

Kajian tentang bangunan rumah kedai lama yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas kurang memfokuskan tentang sejarah serta keistimewaan seni bina bangunan rumah kedai lama yang ada di negara Malaysia ini. Oleh itu, pengkaji akan datang dapat melakukan kajian yang menyeluruh terhadap bangunan rumah kedai lama yang ada di negara Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan rumah kedai lama yang ada di negara Malaysia ini mempunyai kepentingan sejarah serta keunikan seni bina yang ada pada rumah kedai lama tersebut. Seni bina bangunan rumah kedai lama yang ada di negara Malaysia ini mempunyai pengaruh reka bentuk daripada Eropah, Cina, British dan sebagainya. Oleh sebab itu, bangunan lama rumah kedai yang ada di negara Malaysia ini perlu dipelihara dan dijaga dengan seeloknya agar generasi muda akan datang dapat melihatnya kembali sebagai salah satu bangunan warisan lama penting di negara Malaysia.

5.5 Penutup

Secara kesimpulannya, bangunan rumah kedai lama merupakan salah satu bangunan warisan yang perlu dipelihara oleh kesemua pihak agar generasi akan datang dapat melihat semula bangunan tersebut. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, terdapat beberapa maklumat yang telah diperolehi. Antara maklumat yang diperolehi ialah kebanyakan daripada bangunan tersebut telah dibina sebelum zaman penjajahan lagi. Kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai lama di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dapat menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat, serta cadangan yang perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara bangunan rumah kedai lama di jalan Sultan, Kuala Lumpur. Kebanyakan jenis rumah kedai lama merupakan campuran daripada penaruh Cina, Melayu dan Eropah yang telah membuktikan adanya interaksi dalam evolusi rumah kedai lama di negara ini.

Bangunan ataupun tapak warisan adalah sangat penting untuk dipelihara dan dipulihara di Malaysia kerana bangunan adalah dikategorikan dalam Warisan Ketara di bawah Akta Warisan Negara (2005). Oleh itu, kerjasama antara semua pihak iaitu orang awam, pemilik dan penyewa kedai, pihak kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan serta peranan media massa perlu memainkan peranan yang penting dalam memelihara serta mengekalkan bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur ini. Peranan media massa juga harus diketengahkan dalam menggerakkan usaha membangkitkan isu pemeliharaan berkenaan dengan bangunan warisan agar ia terus kekal dan bertahan seiring dengan kemajuan dunia. Bangunan lama rumah kedai ini juga perlulah dipelihara dan dikekalkan agar pelancong asing yang mengunjungi ke tempat tersebut tidak memandang

serong dengan negara kita. Hal ini kerana, bangunan rumah kedai lama juga merupakan salah satu khazanah warisan yang masih ada di negara Malaysia.

FTKWW



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

RUJUKAN

A Ghafar Ahmad. (2006). *Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah*. Majalah Sejarah@Malaysia. Retrieved from http://www.hbp.usm.my/conservation/Sejarah@Msia/Rangka_Kerja.htm

A Ghafar Ahmad. (2010). *Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia Pengalaman dan Cabaran Masa Depan* (2008/Bil.4). Universiti Malaysia Kelantan. Retrieved from https://books.google.com.my/books?id=oFVHDwAAQBAJ&hl=ms&source=gbsllider_cls_metadata_1_mylibrary&redir_esc=y%0A%0A

Adibah Ummi.(2018).*PernyataanMasalah*.Retrieved from <https://www.pascasiswazah.com/pernyataan-masalah/>

Ahmad, A. G., & Rahman, H. F. A. (2010). Treatment of salt attack and rising damp in heritage buildings in Penang, Malaysia. *Journal of Construction in Developing Countries*, 15(1), 93–113. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/199244966.pdf>

Al-Obaidi, K. M., Wei, S. L., Ismail, M. A., & Kam, K. J. (2017). Sustainable building assessment of colonial shophouses after adaptive reuse in Kuala Lumpur. *Buildings*, 7(4). Retrieved from <https://doi.org/10.3390/buildings7040087>

Al-Obaidi, K. M., Wei, S. L., Ismail, M. A., & Kenn Jhun Kam. (2007). *Sustainable Building Assessment of Colonial Shophouses after Adaptive Reuse in Kuala Lumpur*. Sustainable Building Assessment of Colonial Shophouses after Adaptive Reuse in Kuala Lumpur. Retrieved from <https://www.mdpi.com/2075-5309/7/4/87>

Alsagoff, D. S. A. (2018, September 15). Integriti penyebaran maklumat. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/09/473821/integriti-penyebaran-maklumat>

Asmah Hj Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan* (Edisi kedu). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Barbara J. Howe, Dolores A. Flening Emory L. Kemp, and R. A. O. (1997). *Houses and Homes Exploring Their History*. Press, A Division of Sage Publication. https://books.google.com.my/books?id=Y5Ht9V-A5ZoC&printsec=frontcover&hl=id&source=gbs_ge_summary_r&cad=0#v=onepage&q=false

Besar, J. A., Fauzi, R., Ghazali, A. S., Hazim, M., & Ghani, A. (2014). *Kuala Lumpur dan cabaran baru pembangunan berterusan Kuala Lumpur and the new challenges of continuous development*.6(6), 75–85. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18676>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Kamus Dewan Edisi Keempat. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=potensi>

Dr Robiah Abdul Rashid. (2016, September 3). Preserving our heritage. New Straits Times. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/2016/09/170483/preserving-our-heritage>

Faudzi, Y. M. (2018). Shophouses' Façade with Architectural Interventions in Kota Bharu. Kelantan. International Journal of Heritage, Art and Multimedia, 1(2), 1–15. Retrieved from <http://www.ijham.com/PDF/IJHAM-2018-02-09-01.pdf>

Hayati Rina. (2020). Macam Dokumen Penelitian dan Contoh Pedomannya. Metode Penelitian Ilmiah. Retrieved from <https://penelitianilmiah.com/macam-dokumen/>

Isa, M., & Kaur, M. (2015). Kuala Lumpur Street Names. Marshall Cavendish Editions. Retrieved from <https://play.google.com/books/reader?id=9WWLDgAAQBAJ&hl=ms&printsec=fr ontcover&pg=GBS.PT2>

JABATAN MUZIUM NEGARA. (n.d.). Jabatan Muzium Negara. Retrieved from <http://www.jmm.gov.my/ms/glosari>

Kamus Dewan (Edisi Keem). (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sejarah>

Lilawati Ab Wahab, P. M. D. A. G. A. and P. M. D. B. M. (2007). Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah Sebagai Hotel Bagi Menyokong Industri Pelancongan WarisanNegara, Retrieved from <http://buildingconservation.blogspot.com/2008/11/penyesuaigunaan-semula-bangunan.htm>

Muchlisin Riadi. (2013). *Pengertian Potensi Diri*. Retrieved from <https://www.Kajianpustaka.com/2013/10/potensi-diri.html>

Nafida, R. (2007). Kajian Tipologi Rumah Kedai Awal Era Belanda Di Bandar Melaka : Sumbangan Kepada Bidang Pemuliharaan Di Raja Nafida Binti Raja Shahminan. *Kajian Tipologi Rumah Kedai Awal Era Belanda Di Bandar Melaka: Sumbangan Kepada Bidang Pemuliharaan Di Malaysia.* Retrieved from http://eprints.usm.my/31142/1/RAJA_NAFIDA_BINTI_RAJA_SHAHMINAN.pdf

Perpustakaan Negara Malaysia. (2019). *PANDUAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT*. Retrieved from <https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdffile/LiterasiMaklumat/ PANDUAN LITERASI MAKLUMAT TAHAP LANJUTAN.pdf>

Richard, L. A. (2012). *Bangunan Bersejarah "Kubu Alice" Bali Menyokong*. Retrieved from [https://ir.unimas.my/id/eprint/21340/1/Pemuliharaan_bangunan_bersejarah_Kubu_Alice...\(24_pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/21340/1/Pemuliharaan_bangunan_bersejarah_Kubu_Alice...(24_pgs).pdf)

- Roslina, P., & Pendahuluan, A. W. (2005). DEFINISI DAN KONTEKS DALAM TERMINOLOGI BAHASA MELAVU. *Furnal Pengajian Melayu Jilid, 16*, 55–71. Retrieved from <http://www.myjurnal.my/filebank/publishedarticle/24025/> Article 3 .PDF
- Siti Nor Fatimah Zuraidi, Zainal Abidin Akasah, & Mohammad Ashraf Abdul Rahman. (2011). Masalah dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial Unimas 2011 : Pembangunan Ke Arah Masa Depan Yang Mapan, April*, 1–12. Retrieved from https://www.academia.edu/2854839/Masalah_dalam_pemuliharaan_bangunan_warisan_di_Malaysia
- Syahril, M. B. S. (2007). *PEMULIHARAAN BANGUNAN RUMAH KEDAI TRADISIONAL DI PEKAN MELAYU DAN PEKAN CINA DI BANDARAYA ALOR STAR*. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/7770/1/Sy.pdf>
- Tan Yeow Wooi. (2015). *Penang Shophouse A handbook of Features of Materials*.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

LAMPIRAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (48)
RUJ. KAMI (Our Ref.) :
TARIKH (Date) : 25 JULAI 2021

JABATAN WARISAN NEGARA

Blok A dan B, Bangunan Sultan Abdul Samad
50050
Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Siti Hajar Binti Mohamat Tahir	C18A0397	980123145338	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.


Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD

Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

SOALAN TEMUBUAL OBJEKTIF PERTAMA: MENGETAHUI SEJARAH DAN PERKEMBANGAN BANGUNAN RUMAH KEDAI DI JALAN SULTAN, KUALA LUMPUR

- 1) Bolehkan Encik/ Puan memperkenalkan serba sedikit latar belakang anda?
- 2) Bagaimanakah sejarah bangunan rumah kedai di Jalan Sultan Kuala Lumpur?
- 3) Bilakah bangunan rumah kedai ini wujud di Jalan Sultan?
- 4) Bilakah bangunan rumah kedai ini dibina?
- 5) Berapakah usia bangunan rumah kedai ini?
- 6) Apakah perkembangan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur?
- 7) Apakah kegiatan yang dilakukan oleh orang awam di bangunan rumah kedai ini?
- 8) Apakah faktor perkembangan bangunan rumah rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


SOALAN TEMU BUAL OBJEKTIF KEDUA: MENGETAHUI POTENSI PEMELIHARAAN BANGUNAN RUMAH KEDAI DI JALAN SULTAN, KUALA LUMPUR

- 1) Apakah kegiatan yang dijalankan bagi memelihara bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.
- 2) Apakah faktor yang membuatkan tuan/puan membuka kedai atau kafe moden di bangunan rumah kedai lama ini?
- 3) Bagaimanakah tercetusnya idea Tuan/Puan untuk menukar bangunan lama rumah kedai ini menjadi kafe moden?
- 4) Bagaimanakah Tuan/Puan menjalankan kerja-kerja membaikpulih bangunan lama rumah kedai ini?
- 5) Adakah Tuan/Puan telah mengubah seni bina struktur rumah kedai lama ini kepada struktur seni bina yang baru? Jika Ya, apakah perubahan yang dilakukan?
- 6) Adakah dengan membuka kedai di bangunan lama rumah kedai ini telah menyumbang kepada pendapatan Tuan/Puan?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SOALAN TEMU BUAL OBJEKTIF KETIGA: MENGENALPASTI CADANGAN YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PIHK BERTANGGUNGJAWAB DALAM MEMELIHARA BANGUNAN RUMAH KEDAI DI JALAN SULTAN, KUALA LUMPUR


- 1) Bolehkan Encik/ Puan memperkenalkan serba sedikit latar belakang anda?
- 2) Bagaimanakah sejarah kewujudan bangunan rumah kedai Pre-War di jalan Sultan Kuala Lumpur?
- 3) Apakah perkembangan bangunan rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur?
- 4) Apakah faktor perkembangan bangunan rumah kedai di jalan Sultan, Kuala Lumpur ini?
- 5) Jelaskan bagaimana perubahan/ keadaan pada senibina fasad rumah kedai ini sejak pembinaannya.
- 6) Apakah langkah atau kaedah yang dilakukan oleh Encik/ Puan bagi menjaga atau memelihiara bangunan rumah kedai di Jalan Sultan?
- 7) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Encik/ Puan untuk memelihiara dan menjaga imej bangunan rumah kedai lama di Jalan Sultan, Kuala Lumpur?
- 8) Bagaimanakah cara yang dilakukan oleh pihak Encik/ Puan untuk pelihara bangunan lama rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur?
- 9) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Encik/ Puan terhadap bangunan rumah kedai yang terbiar usang atau terbiar kosong di Jalan Sultan, Kuala Lumpur?
- 10) Apakah inisiatif yang dilakukan oleh pihak Tuan/ Puan bagi menjaga serta memelihiara bangunan lama rumah kedai yang terbiar di jalan Sultan, Kuala Lumpur?
- 11) Apakah inisiatif yang dilakukan oleh Pihak Tuan/ Puan bagi memelihiara serta mengekalkan bangunan rumah kedai Pre-War terus kekal di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.



Temubual bersama peniaga-peniaga kecil yang meniaga berdekatan dengan Jalan Sultan,
Kuala Lumpur



Temubual bersama Encik Calvin yang meniaga di gerai kecil berdekatan dengan Jalan
Sultan, Kuala Lumpur



TOWN BOARDS ENACTMENT (F.M.S. CAP. 137) SECTION 38
RETURN REQUIRED TO BE MADE BY AN OWNER OF A RATEABLE HOLDING

Lot No.	Section/Mukim	House Number(s)	Street	Municipal Reference
12	64	101	Sultan Street	A/1584
In full name of owner Estate of Ko Kong (deceased), 62, First Cross St., Malacca.				
OR ADDRESS FOR SERVICE OF NOTICES (If different from above)				
Particulars of Title Belanger Land Front Title No. 970				
Date of Assessment January, 1925				
Particulars of Building If more than one state Name:				
Particulars of Tenants (If building(s) are wholly OWNERS-occupied state MORE)				
Name of Tenant (e.g. Mr. Choo Pook, Lodging-Chop Gua Chan House)				
Description of Building Old records located before Japanese occupation				
Date Tenant first occupied Old records located before Japanese occupation				
Term of Lease Monthly				
Monthly review paid \$11.64				
Premium per month				
Details of Subsequent Improvement to Building Date of Alteration Not Known				
Details of Advertisements Space let on Note: (a) Unless otherwise stated, the owner will be assessed to be liable for payment of assessment rates and cost of all repairs, decoration (b) Where rent includes heating and lighting, water, rates and cost for each tenancy, under Tenancy Details above (c) Where services are provided (a) rates, service and amount of extra service charge (if any) for such tenancy under Tenancy Details above (d) State monthly cost of services: \$ —				
Details of Advertisements Space let on Note: (a) Unless otherwise stated, the owner will be assessed to be liable for payment of assessment rates and cost of all repairs, decoration (b) Where rent includes heating and lighting, water, rates and cost for each tenancy, under Tenancy Details above (c) Where services are provided (a) rates, service and amount of extra service charge (if any) for such tenancy under Tenancy Details above (d) State monthly cost of services: \$ —				
Acknowledgment subject to provisions of Control of Rent Ordinance 1954 I declare the foregoing particulars to be in every respect fully, truly and correctly stated. STATE OF SINGAPORE GUARDED Date: 2 nd Decem. 1925 Signature: [Signature]				

Enakmen Dewan Bandaran Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



Temubual bersama Puan Shakilala yang merupakan peniaga kecil di sekitar Jalan Sultan,
Kuala Lumpur



Temubual bersama Pegawai Jabatan Warisan Negara dalam bahagian Konservasi Warisan

MALAYSIA

KELANTAN



Temubual bersama Pegawai Jabatan Warisan Negara dalam bahagian Konservasi Warisan

KELANTAN